



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMETARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 24

Hari Jumaat

22hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat** (Ruangan 35)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 (Ruangan 35)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 22hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HAKIM YANG DILANTIK

1. Puan Hajjah Habidah binti Yusof minta Menteri Kehakiman menyatakan berapa banyakkah Hakim dilantik dalam masa setahun mulai tahun 1987 sehingga sekarang, dan kenapakah perlantikan Hakim begitu kurang sedangkan kes-kes yang hendak dibicarakan begitu banyak dan pemegang-pemegang ijazah undang-undang begitu ramai yang menganggur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, seramai 4 orang Hakim Mahkamah Tinggi dan 6 orang Pesuruhjaya Kehakiman telah dilantik sejak tahun 1987. Perlantikan seorang Hakim pula dibuat di bawah Perkara 122B Perlembagaan Malaysia di mana diperuntukkan bahawa seseorang yang memenuhi syarat kelayakan di bawah Perkara 123 dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja.

Sebelum memberi nasihat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Yang Amat Ariff Ketua Hakim Negara. Bukan semua orang yang mempunyai kelulusan undang-undang boleh dilantik menjadi Hakim. Hanya mereka yang mempunyai pengalaman luas dan difikirkan bersesuaian sahaja dipertimbangkan untuk menjadi Hakim.

Memandangkan jawatan seorang Hakim itu begitu penting maka perlantikannya hendaklah dibuat dengan teliti.

NEGARA PENGELUAR BIJIH TIMAH JADI AHLI ATPC

2. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan keputusan Mesyuarat ATPC di Thailand baru-baru ini sama ada semua negara-negara pengeluar bijih timah bersetuju menjadi ahli ATPC:-

- (a) beri nama negara-negara yang tidak menyertai ATPC tersebut; dan
- (b) apa sebab-sebabnya.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yeik]: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif yang ke-24 dan Persidangan Majlis Menteri Yang Ke-7 di Bangkok pada bulan Oktober 1989.

Kedua-dua persidangan tersebut telah membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan aktiviti ATPC termasuklah mengenai keahlian di dalam ATPC. ATPC kini dianggotai oleh Australia, Bolivia, Indonesia, Malaysia, Nigeria, Thailand dan Zaire. Urusan menganggotai mana-mana Kumpulan antarbangsa .Oleh mana-mana negara berdaulat adalah merupakan tanggungjawab tersendiri negara-negara yang berkenaan, Lain-lain negara tidak boleh memaksa tetapi hanya boleh membuat gesaan diplomatik sahaja.

Berhubung dengan keanggotaan lain-lain negara pengeluar timah di dalam ATPC, negara-negara anggota ATPC secara kumpulan dan juga secara individu termasuk Malaysia telah beberapa kali membuat pendekatan (approach) terhadap Brazil, China dan Myanmar supaya

menganggotai ATPC.

Walaupun negara Brazil dan Myanmar telah menghantar Menteri untuk menghadiri di Persidangan Majlis Menteri Yang Ke-7 sebagai pemerhati, negara-negara tersebut mempunyai alasan mereka sendiri untuk pada masa sekarang tidak menyertai ATPC. Brazil telah menyatakan bahawa pihaknya memerlukan dua tahun lagi untuk mempertimbangkan keanggotaannya di dalam ATPC. Namun demikian, Brazil dan Republik Rakyat China terus memberi kerjasama mereka kepada ATPC terutamanya dalam skim merasionalisasikan bekalan timah. Oleh itu sehingga kini tidak ada lain-lain negara pengeluar timah yang bersetuju menyertai ATPC selain daripada negara-negara yang telah dinyatakan di atas.

Selain daripada ketiga-tiga negara berkenaan, lain-lain negara pengeluar timah yang penting telah dijemput tetapi yang masih belum menyertai ATPC ialah Peru dan Zimbabwe.

Terdapat beberapa buah negara lain lagi yang juga mengeluarkan timah tetapi negara-negara tersebut tidaklah begitu penting kepada ATPC sebagai pengeluar utama. Ada pun sebab negara-negara berkenaan tidak menganggotai ATPC tidaklah dapat dipastikan oleh kerana setiap negara tentulah mempunyai alasan yang tersendiri dan ianya mungkin berbeza di antara mereka.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kejayaan ATPC ini adakah Kerajaan bercadang untuk keluar daripada Majlis Timah Antarabangsa (ITC) pula.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yeik: Sekarang tidak ada ITC lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu keluar atau masuk tidak ada kaitan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta maaf jika sekiranya soalan tambahan saya ini tidak berkaitan secara langsung dengan soalan asal tetapi dia mengenai industri pengeluaran bijih timah di negara kita Malaysia. Kalau Yang Berhormat Menteri sudi menjawab terima kasih, kalau tidak, tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya?

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Soalan saya mengenai Malaysia sebagai salah satu pengeluar utama bijih timah di dunia. Semasa harga bijih jatuh, kita pernah mendengar bahawa industri perlombongan bijih timah di Malaysia ini sudah menempuh atau sudah sampai ke peringkat di ambang senjakala ataupun, dengan izin, sunset industrinya.

Jadi, kebelakangan ini harga-harga bijih timah telah ada kemajuan, sudah meningkat dan oleh kerana itu, adakah keadaan 'sunset' ini masih lagi kita mengalami sekarang ini atau adakah perkembangan-perkembangan baru yang memungkinkan bijih timah kembali kepada keadaan sebagai salah satu yang mendatangkan hasil bagi negara ini?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab soalan tambahan itu. Ada pihak yang berkata perindustrian bijih timah telah menjadi satu "sunset industry" sebab pengeluaran kita telah berkurangan. Seumpamanya sebelum jatuhan (collapse) pasaran bijih timah antarabangsa, pada tahun 1981, kita telah mengeluarkan 60,000 tan setahun, tetapi sampai bila pasaran bijih timah telah jatuh, kita hanya sampai kepada tahap untuk mengeluarkan 28,000 tan sahaja. Walaupun harga bijih timah telah menaiki melalui skim merasionalisasikan bekalan timah yang dijalankan tiga, empat tahun lalu - harga telahpun naik - tetapi untuk Malaysia mengadakan kemampuan bagi mengeluarkan lebih daripada 32,000 tan yang kita keluarkan sekarang, ia tartakluk kepada adanya tanah yang mengandungi bijih timah di dalamnya. Kita sekarang membandingkan dengan negara pangeluar baru seperti Brazil yang mana pada masa ini mengerjakan tanah yang sama luas dengan tanah yang kita ada 100 tahun lalu. Kita telah mula mengerjakan tanah 100 tahun lalu dan tentulah bijih timah sebagai satu, dengan izin, "depleting resource" mesti sampai ke satu tahap depletion. Macam mana kita mahu keluarkan bijih kalau tidak ada bijih timah di tanah itu lagi? Dengan itu, saya ingat walaupun ini tidak menjadi industri 'sunset' pada keseluruhannya atau "in tots", tetapi masih kita boleh mengeluarkan

bijih timah yang mencukupi untuk mendapat pendapatan wang asing bagi negara kita dan, dengan itu, kita cuba mengeluarkan bijih timah. Tetapi kita tidak ambil 'status' sebagai pengeluar terutama di dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.3.

INTEGRASI RAKYAT MALAYSIA

3. Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil serta yang akan diambil dalam jangka masa 5 tahun ini untuk:

- (a) menjalankan integrasi antara rakyat Malaysia daripada berbagai negeri terutama sekali rakyat daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia; dan
- (b) menyatukan semua rakyat Malaysia dengan menjadikan mereka sentiasa menganggap diri sebagai rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam jangka masa 5 tahun ini untuk mengintegrasikan rakyat Malaysia dari berbagai negeri terutama sekali dari Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia dilaksanakan melalui dua strategi utama, iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan.

Di bawah strategi penggalakan, program-program yang dilaksanakan termasuklah sistem pendidikan yang sama; undang-undang dan perkhidmatan awam yang semakin seragam; perhubungan udara dan telekomunikasi yang semakin baik; rangkaian radio dan televisyen kebangsaan; lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat dari negeri Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya; program pertukaran anak angkat melalui kelab belia dan agensi Kerajaan serta

swasta; program tambang konsesi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak melalui Sistem Penerbangan Malaysia; program orientasi sempena penempatan pegawai-pegawai dari Semenanjung yang akan berkhidmat di Sabah dan Sarawak; program-program integrasi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dari Semenanjung dengan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak; usaha memperbanyakkan dan menyeragamkan liputan program penyiaran rancangan-rancangan khas bagi Wilayah melalui radio dan televisyen; dan liputan berita yang lebih luas mengenai hal ahwal Sabah dan Sarawak dalam akhbar nasional.

Di bawah strategi pencegahan, Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor negatif terhadap pencapaian integrasi dikesan dari masa ke semasa dan tindakan mencegah perkara-perkara yang tidak diingini dilaksanakan.

Bagi menyatukan semua rakyat Malaysia supaya mereka sentiasa menganggap diri sebagai rakyat Malaysia, rancangan Kerajaan termasuklah rancangan-rancangan dalam bidang pendidikan, perkembangan Bahasa Malaysia; pengimbangan taraf sosio-ekonomi antara kaum; sukan; menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan; membantu dalam pembentukan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sejiran bagi menjalin dan memupuk semangat kejiiran yang teguh seperti sikap tolong-menolong, berbaik-baik sangka dan bertoleransi; mengadakan program sivik termasuk aspek-aspek kewajipan rakyat sebagai warganegara yang baik, semangat taat setia dan patriotisme serta hormat terhadap lambang-lambang kenegaraan; mengadakan program pra-sekolah dan pendidikan tidak formal, dengan menggunakan satu bahasa yang sama

iaitu Bahasa Malaysia; dan juga memberi penerangan mengenai adat resam antara kaum, nilai-nilai keagamaan serta pengetahuan asas dasar-dasar negara; menyedarkan rakyat akan keperluan identiti serta kebudayaan nasional di samping menggalakkan penyertaan mereka untuk mambantu dalam proses pemupukan kebudayaan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah daripada berlakunya perpecahan di antara kaum dan agama, Kerajaan sentiasa memerhati dan mengesan suasana perhubungan di antara kaum dan agama serta bertindak untuk membantu menyelesaikan pertikaian ataupun perselisihan agama yang bercorak perkauman serta berusaha ke arah pemulihan keadaan. Sekian.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tujukan soalan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri bahawa sama ada Yang Berhormat sedar di mana Jabatan Perdana Menteri mempunyai Jabatan Perpaduan Negara, tetapi pada saat sekarang, kita nampak Jabatan Perpaduan Negara hidup segan mati tidak mahu dan apakah Jabatan ini telah mencapai dalam program mengintegrasikan rakyat negara kita?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan itu tidak barasas sama sekali. [Ketawa] Sebenarnya, banyak rancangan dilaksanakan, seperti yang saya katakan tadi, untuk memupuk persefahaman kaum dan seterusnya mencapai perpaduan negara. Saya ingin tegaskan di sini bahawa masalah perkauman dan juga usaha untuk mencapai perpaduan negara itu merupakan satu usaha jangka masa panjang dan ianya memerlukan masa.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama tahniah kepada jabatan yang berkenaan yang memang telah banyak meninggalkan kesan dalam menyatu-padu dan mengintegrasikan rakyat tidak dinafikan.

Soalan saya yang pertama ialah saya ingin bertanya apakah permasalahan yang dihadapi oleh Kementerian berkenaan dan jabatan-jabatannya dalam melaksanakan semua dasar-dasar dan program rancangan yang disebutkan tadi dengan adanya tindak-tanduk mereka yang tidak bertanggungjawab, terutamanya parti Pembangkang.

Yang kedua, di dalam skim anak angkat iaitu di dalam program penggalakan bagaimanakah kejayaannya sehingga ini.

Yang terakhir, yang ketiga soalnya iaitu di dalam bidang pencegahan, bagaimanakah Kementerian ini menjalankan daya-usaha untuk mengatasi masalah segelintir rakyat yang masih tidak hormat kepada perkara-perkara kenegaraan, Lagu Kebangsaan dan juga hormat kepada pimpinan-pimpinan terbesar umpamanya seperti Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kita yang sering berlaku.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah yang pertama yang dibangkitkan itu dalam proses melaksanakan aktiviti-aktiviti jabatan ini, salah satu masalah yang ditemui ialah satu contoh, Skim Rukun Tetangga iaitu pada umumnya masih ada penduduk-penduduk yang tidak begitu memberikan sambutan kepada skim ini. Jadi untuk mengatasi masalah ini Jabatan Perpaduan Negara cuba melalui beberapa cara yang tertentu untuk menggalakkan mereka untuk menyertai skim ini. Ini satu contoh.

Untuk jawapan yang kedua tadi, skim anak angkat setakat ini mendapat sambutan cukup baik. Skim yang baru-baru diadakan itu ialah Titian Emas taitu satu rancangan pertukaran murid-murid antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Sambutan yang diberikan itu cukup memuaskan.

Untuk jawapan yang ketiga itu bagaimana untuk mencegah segelintir rakyat yang tidak menghormati Lagu Kebangsaan dan sebagainya, sebenarnya ada undang-undang di negara ini dan juga saya rasa bagi Jabatan Perpaduan negara apa yang dapat kami laksanakan ialah melalui pendidikan secara tidak formal untuk menyedarkan rakyat jelata tentang peri pentingnya untuk menghormati misalnya lambang-lambang kenegaraan.

FILEM IKLAN KOMERSIAL

4. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan filem iklan komersial yang diimport ditayangkan dalam T.V. Malaysia dan tidakkah Kementerian beliau membuat sesuatu bagi menggalakkan tuan punya syarikat yang ingin memperkenalkan jenama-jenamanya membuat penggambaran filem iklan komersial di Malaysia yang mempunyai tempat-tempat yang indah lagi menarik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Ahmad Dasuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yahg di-Pertua, RTM tidak pernah menyiarkan iklan-iklan yang diimport atau yang keseluruhan penggambarannya dibuat di luar negeri. Iklan-iklan yang sedang disiarkan sekarang termasuk iklan-iklan di mana beberapa adegan dibuat di luar negeri kesemuanya disediakan oleh syarikat-syarikat tempatan.

Menurut Kod Pengiklanan Kementerian Penerangan, penggambaran luar negeri (foreign footage) bagi setiap filem iklan tidak boleh melebihi 20% daripada keseluruhan jangkamasa filem tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) gambaran/pemandangan yang hendak ditonjolkan di dalam filem tersebut tidak terdapat di Malaysia;
- (ii) gambaran/pemandangan yang dipilih ada kaitannya dengan barangan yang hendak diiklankan dan tanpa gambaran/pemandangan tersebut akan menjejaskan mesej yang hendak disampaikan melalui iklan tersebut; dan
- (iii) pihak agensi perlu menggunakan gambaran luar negeri di atas sebab-sebab teknikal.

Pihak Kementertan senantiasa memberi galakan dan syor kepada syarikat-syarikat tempatan supaya iklan-iklan mereka juga adalah menggambarkan tempat-tempat menarik di Malaysia di samping mengiklankan jenama-jenama barangan mereka. Hasil daripadanya terdapat banyak iklan yang sudah mula memaparkan kawasan-kawasan indah dan menarik di Malaysia.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan mengenai iklan. Saya ingin tahu kenapakah pengiklan-pengiklan masih lagi menggunakan bahasa Inggeris dengan secara meluas di iklan-iklan di TV sedangkan rakyat Malaysia hampir kesemua sekarang ini sudah memahami Bahasa Malaysia dan lebih-lebih lagi penggunaan Bahasa Malaysia sudah sampai ke satu tahap yang boleh digunakan secara sofistikated untuk tujuan iklan. Jadi, saya tidak faham bagaimana-kah galakan yang diberi oleh Kementerian Penerangan dalam soal pelaksanaan bahasa dalam bidang perniagaan, khususnya mengenai iklan.

Dato' Haji Ahmad Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RTM mempunyai dua saluran. Pertama ialah saluran pertama, saluran kebangsaan dan yang kedua ialah saluran kedua. Sesungguhnya iklan-iklan tidak digunakan dengan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa yang lain selain daripada Bahasa Kebangsaan di saluran yang pertama. Di saluran yang kedua, memang ada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain mengikut cerita yang ada ataupun program yang ada pada waktu berkenaan.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan Setiausaha Parlimen tadi. Cuma yang saya masih lagi tidak begitu senang hati melihat iklan-iklan ini di mana apa yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi gambaran yang tidak dapat di Malaysia. Gambaran yang dia hendak gambarkan seperti mungkin salji, itu bolehlah ataupun pokok ru di mana kita nampak salji itu tergantung-gantung. Tetapi yang lain-lain ini kebanyakan semua boleh terdapat di Malaysia. Negara kita negara tropika.

Apakah salahnya iklan itu ada kaitan dengan negara Malaysia. Jika sekiranya Kementerian berkenaan dapat mengurangkan penggambaran di luar ini mungkin ini memberi faedah juga kepada orang tempatan di sini.

Dato' Haji Ahmad Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal saya telahpun menerangkan perkara ini bahawa gambaran-gambaran dan pemandangan-pemandangan luar itu yang ada dengan tiga syarat yang disebutkan tadi tidak lebih daripada 20% apa yang ada di dalam iklan yang berkenaan, itupun dengan syarat-syarat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan lagi. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali telah disebutkan dalam Dewan ini tentang iklan yang disiarkan semasa bacaan Berita. Baru-baru ini dalam RTM kalau tidak silap saya menyiarkan berita sedih tentang peristiwa malang yang berlaku di Sarawak. Dalam berita sedih tiba-tiba iklan rokok timbul dan ini memeranjatkan kita. Suasana sedih itu hilang di perasaan kita.

Jadi, soalan saya apakah Kementerian tidak langsung mengambil peduli teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Dewan, terutamanya Ahli Dewan Negara sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa cerah dengan maksud yang dikehendaki oleh Yang Berhormat berkenaan, Mungkin Yang Berhormat menimbulkan mengapa iklan-iklan diadakan di tengah-tengah bacaan berita. Kalau itu yang dimaksudkan sebenarnya iklan-iklan ini kita terpaksa masukkan menurut kehendak pengiklan-pengiklan berkenaan di waktu-waktu yang mereka fikir masa utama dan masa yang tidak utama dan sebagainya. Misalnya, waktu Berita Nasional itu adalah merupakan 'prime time' berita utama dan pada waktu itu harga iklannya sudah tentu mahal. Tetapi walau bagaimanapun, gangguan yang dibuat tidak lebih daripada sekali iaitu pada peringkat awal sekali, di tengah sekali dan di akhir sekali. Itu sahaja gangguan.

(Beberapa Ahli Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin dahulu.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya maksud sahabat saya bertanya tadi, kita memahami tentang program, tentang slot untuk iklan-iklan dan kita tahu juga pihak TV kita bergantung banyak kewangannya daripada pengiklanan. Tetapi soalnya, apakah pihak TV, penerbit-penerbitnya, pengatur rancangannya tidak peka dengan keadaan siaran yang dibuat?

Baru-baru ini sedang kita melihat Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen menceritakan hal kemalangan yang berlaku kepada parajurit-parajurit kita di Sarawak dalam keadaan yang begitu sedih digambarkan dengan gambar longgokan mayat-mayat arwah-arwah yang berkenaan, timbul iklan dengan mengejut, dengan iklan itu jadi anti climax kepada kesedihan. Saya rasa ini Pegawai Perancang kena tengoklah, kena ada common sense. **[Tepuk]** Walaupun tujuannya hendak mencari duit. Soalan saya, apakah Kementerian Penerangan meletakkan kebendaan lebih tinggi daripada nilai-nilai kebudayaan dan nilai-nilai kemanusiaan? **[Tepuk]**

Dato' Haji Ahmad Dusuki bia Haji Ahmad: Terima kasih, Senator Ainon, marah sangat nampaknya. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah ini adalah merupakan masalah penyusunan dan kita berterima kasih ke atas teguran-teguran yang seumpama itu dan kita akan mengambil perhatian. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi, ini nampaknya hebat. Persilakan Yang Berhormat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau hendak kata marah, kami tidak marah, cuma kami ingin menasihatkan, sebab ini Dewan Tertinggi, bukan Dewan di sebelah sana. Dewan sebelah sana Yang Berhormat-Yang Berhormat berhadapan dengan Pembangkang tetapi di Dewan ini semuanya yang dilantik oleh Kerajaan. Jadi patut kami menasihat, terutamanya kami sedang membahaskan Belanjawan 1990, termasuk Kementerian Penerangan.

Saya ingin hendak bertanya, kalau Kementerian Penerangan masih lagi tidak mahu mengubah sikap atas teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Negara, adakah Kementerian Penerangan mengharapkan semata-mata wang untuk membelanja seluruh Kementerian Penerangan di dalam Malaysia hanya melalui kutipan iklan sahaja? Kalau tidak, terpaksa ubah. Itu yang saya hendak nasihatkan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah mengubah sikap ini pada hemat saya tidak timbul dalam perkara ini dan pelaksanaan kita di RTM pun sentiasa kita mengambil feed-back dan pandangan orang ramai terutamanya di kalangan Wakil-wakil Rakyat. Berhubung dengan perkara....

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegur sedikit, siapa Wakil Rakyat yang bersetuju iklan itu diselitkan dalam Warta-berita? Cuba berikan namanya? **[Ketawa]**

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya bercakap dari segi umum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Segala program yang kita aturkan di RTM semuanya adalah hasil daripada pandangan-pandangan,

pendapat-pendapat dan teguran-teguran orang ramai, kerana kita di Kementerian, kita mempunyai satu bahagian khusus iaitu Bahagian Penyelidikan dan juga kita telah melantik satu agensi khas bagi tujuan untuk mendapatkan feed-back daripada orang ramai tentang masalah-masalah, kehendak-kehendak orang ramai terhadap program-program yang kita atur di RTM termasuk TV dan Radio dan di dalam hendak memperbaiki ke arah baik itu, kadang-kadang adalah tersepak, terpijak duri dan macam-macamlah terkenanya sebagaimana berlaku kepada lahirnya iklan-iklan yang memeriahkan dalam suasana yang sedih sebagaimana yang disebutkan tadi. Kalau ini dianggap satu kesalahan besar, maka saya minta maaf dan akan memperbaikinya, [Tepuk]

Yang kedua, masalah wang iklan ini, kita sebenarnya bukanlah sangat bergantung kepada wang daripada iklan-iklan. Tetapi walau bagaimanapun, iklan ini adalah merupakan satu sumber hasil yang utama juga bagi RTM ini. Hasil daripada iklan ini sekurang-kurangnya ia dapat menampung sebahagian besar daripada perbelanjaan Kerajaan khususnya bersabit dengan perkhidmatan penyiaran dan bagi tujuan untuk mencapai kepada satu matlamat berdikari dari segi kewangan.

TELEPON KERETA JENIS ATUR

5. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah permohonan untuk mendapatkan kemudahan telefon kereta jenis ATUR tidak dapat diluluskan jika pemilik baru ATUR itu memohonnya. Perkara ini berlaku apabila 1 bekas pemilik ATUR itu belum lagi menjelaskan hutang kepada STM dan beliau telah menjualkan ATUR itu kepada pemilik baru itu yang membuat permohonan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya amalan sebagaimana yang disebut dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun diberhentikan mulai bulan Februari 1988. Pelanggan baru perkhidmatan ATUR

dibenarkan menggunakan set ATUR yang terpakai walaupun bekas pemilik set ATUR itu belum lagi menjelaskan hutangnya kepada STM.

STM pada mulanya meletakkan syarat supaya hutang terlebih dahulu perlu dijelaskan sebelum set ATUR berkenaan boleh dibenarkan untuk dipakai semula ini adalah semata-mata sebagai satu bentuk kawalan kredit yang bertujuan untuk memastikan bekas pelanggan menjelaskan hutang mereka.

Cara ini didapati lebih merugikan STM kerana ia menyekat pertumbuhan perkhidmatan itu dan STM di samping itu telah mengambil tindakan-tindakan lain bagi mengetatkan kawalan kredit mereka agar ia tidak mengalami kerugian yang besar dari hutang yang tidak dijelaskan oleh bekas pelanggan-pelanggan ATUR.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedar ada sipemohon yang telah memohon telefon lebih awal dalam masa satu atau dua tahun tidak dapat diluluskan, tetapi ada yang memohon dalam masa satu atau dua bulan telah diluluskan. Sekiranya perkara ini benar, apakah tindakan dan langkah-langkah akan diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan? Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengandaikan soalan itu merujuk kepada telefon biasa ataupun telefon ATUR?

Tuan Lau Keng Siong: Telefon biasa.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian mengakui ada permohonan dua tahun tidak dapat dipenuhi dan ada pemohon yang satu hari dapat dipenuhi.

Ini adalah semata-mata berdasarkan kepada sama ada pemohon itu berada di kawasan di mana adanya kabel ataupun kemudahan ibusawat untuk sampai kepada lokasi pemohon dan di kawasan-kawasan tersebut maka perlu pelaburan yang dibuat oleh STM supaya kabel-kabel dan ibusawat itu sampai ke tempat tersebut. Ini bukan kerana membeza-bezakan antara pemohon semata-mata kerana infrastruktur untuk sampai kepada tempat-tempat tersebut masih lagi memerlukan pelaburan dan perancangan.

Tuaa G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan tambahan, ini rayuan. Saya hendak membuat satu rayuan kepada Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Pada masa ini ada tiga buah telefon untuk Ahli-ahli Parlimen di Bangunan Parlimen. Apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang serentak, terdapatlah Ahli-ahli Yang Berhormat bergilir-gilir menggunakan telefon dan tidak dapat hadir dalam Dewan ini kerana menunggu giliran menggunakan telefon. Saya mohon merayu kepada Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, bolehkah ditambah bilangan telefon di Bangunan Parlimen untuk Ahli-ahli Parlimen?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, saya cuba penuhi, bukan sekadar untuk Dewan Rakyat sahaja, bahkan untuk Dewan Negara.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka hendak bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berkenaan dengan sambutan telefon ATUR. Kami difahamkan ramai telah menggunakan telefon ATUR dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan dalam Dewan ini berapa bilangan pelanggan yang sedia ada menggunakan sistem ATUR dan adakah Kementerian akan menimbang untuk mengurangkan kadar bayaran panggilan sistem telefon ATUR?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan telefon ATUR dimulakan pada tahun 1985 dengan kapasiti lebih kurang 30,000 pengguna. Tidak sampai lebih kurang 5 tahun, termasuk kebelakangan ini, pengguna yang tersenarai ialah lebih kurang 34,000. Oleh yang demikian, berlakunya kesesakan dari segi kemudahan sistem ATUR ini. Kita telahpun mendapat tindakan yang sewajarnya daripada pihak Syarikat Telekom Malaysia di mana bekalan itu telah ditambah sebanyak 15,000 lagi dan kapasiti untuk ATUR 450 ialah 55,000 dibandingkan dengan bilangan pengguna 34,000. Satu lagi sistem ATUR yang ada ialah yang dipanggilkan sistem SELCOM. Kapasiti SELCOM ialah lebih kurang 3,000 tetapi penggunaanya sudah meningkat sebanyak 5,000 walaupun tidak sampai setahun dan pihak syarikat yang berkenaan telahpun berjanji untuk menambahkan kemampuannya untuk menampung keperluan yang terbaru ini.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan terhadap perkhidmatan ATUR begitu tinggi sekali dan kedua-dua syarikat tersebut akan mengambil

tindakan yang sewajarnya untuk menampung Keperluan yang semakin meningkat itu.

Tuan Ng Peng Hay: Soalan yang kedua belum dijawab berkenaan dengan menimbangkan kadar bayaran.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya tidak dengar langsung soalan yang kedua itu, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Kadar bayaran ialah untuk yang pertamanya kita memerlukan bayaran Lesen \$50 kepada Jabatan Telekom dan \$720 adalah untuk laluan yang perlu dibayar kepada STM, bermakna \$60 sebulan dan ini adalah bayaran yang diwajibkan dan hingga kini Kementerian belum bercadang untuk mengkaji tentang bayaran-bayaran ini dan kami percaya bahawa ini adalah rendah dan mereka yang mampu menggunakan sistem ATUR ini berupaya untuk membayarnya.

PENYAKIT HEPATITIS ' B '

6. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana penyakit Hepatitis 'B' dapat dikawal di negara kita. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, berapa jumlah kematian akibat menghadapi penyakit ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui Heng]: Tuan Yang di-Pertua, penyakit Hepatitis 'B' dapat dikawal dengan mengadakan satu program khusus mencegah dan mengawal penyakit Hepatitis 'B' yang mana ia telahpun diwujudkan mulai awal tahun 1989 ini. Di dalam program ini beberapa strategi dan langkah-langkah tertentu telah dilaksanakan antaranya:-

Yang pertama, memberi immunisasi kepada semua golongan yang berisiko tinggi. Buat peringkat pertama ianya akan ditumpukan kepada bayi-bayi yang baru lahir, kakitangan hospital dan kalangan

penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan.

Yang kedua, menguji semua darah yang didermakan di hospital-hospital Kerajaan supaya bebas dari virus Hepatitis 'B'. Dengan cara ini, darah yang akan digunakan nanti akan bebas dari virus ini dan selamat untuk dipakai.

Yang ketiga, memberi dan mengeluarkan bahan-bahan penerangan dan pendidikan kesihatan melalui semua media kepada orang ramai akan bahaya penyakit Hepatitis 'B', cara mengelak dan kemudahan-keraudahan yang disediakan bagi mencegah dan mengelak penyakit ini.

Yang keempat, memastikan alat-alat suntikan yang digunakan di hospital-hospital dan di pusat-pusat kesihatan adalah bebas dari virus Hepatitis 'B' melalui pensterilin atau sterilisation alat-alat tersebut atau penggunaan alat-alat suntikan yang dibuang atau disposable setelah digunakan,

Angka kematian sebenar akibat penyakit Hepatitis 'B' sebelum 1988 tidaklah diketahui dengan tepat kerana angka kejadian penyakit Hepatitis 'B' telah dicampur dengan angka-angka viral hepatitis yang lain. Dalam tahun 1988, daripada 1,174 kes Hepatitis "B" yang dilaporkan, 3 daripadanya telah meninggal dunia,

Sementara ini, daripada sejumlah 537 kes yang dilaporkan sehingga bulan Jun tahun ini, cuma satu sahaja kematian telah dilaporkan daripada penyakit ini.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu siapakah yang Lebih banyak, lelaki atau perempuan menghidap penyakit Hepatitis 'B' ini dan apakah puncanya?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Senator tersebut.

Saya nampak di dalam Dewan ini, Ahli-ahli Senator daripada wanita amat gemar hendak mengetahui pecahan antara jantina atau sek

tetapi malangnya saya tidak ada pecahan antara seks pada hari ini, tetapi untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, antara kaum kita ada. " Dalam satu kajian yang dibuat dan dilakukan oleh Blood Bank Hospital Besar 'Kuala Lumpur, setelah menguji darah-darah yang diderma oleh orang ramai, kita dapati orang Cina yang lebih iaitu kejadiannya 6% hingga 7%, orang Melayu ialah 2% hingga 3% dan orang India termasuk Yang Berhormat yang mengeluarkan soalan, itu hanya 0.6% hingga 0.9%. Itulah untuk maklumat Yang Berhormat.

Mengenai-puncanya, tadi saya sudah sebutkan puncanya ialah yang membawa AIDS iaitu punca yang terbesar dan menjangkiti orang lain dan "caranya untuk menjangkiti" orang lain ialah melalui darah atau bendalir tubuh yang tercemar iaitu termasuk air mani, bendalir faraj, air liur dan lain-lain. Satu cara merebak yang utama yang kita khuatir yang menyusahkan kita dalam Kementerian Kesihatan ialah dari seorang ke seorang yang lain seperti dari ibu kepada bayi semasa lahir. Maksud saya ibu yang dijangkiti dengan Hepatitis 'B' atau seorang yang membawa Hepatitis 'B' akan tercemar anak-anak kandungannya.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan apa peranan yang dimainkan oleh doktor-doktor dari klinik swasta untuk mengawal penyakit Hepatitis 'B'?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih, Senator Tan Chai Ho. Kita tekankan dalam Kementerian Kesihatan iaitu peranan untuk menjaga taraf kesihatan di dalam negara kita bukan perlu, dimainkan semata-mata oleh Kementerian Kesihatan sahaja tetapi juga pihak swasta, badan-badan sukarela, klinik-klinik swasta, hospital-hospital swasta perlu memainkan peranan masing-masing dan melalui klinik-klinik

swasta kita dapat suntikan atau immunisasi pelalian yang diberi kepada bayi-bayi dan penduduk-penduduk di negara ini dengan bayaran yang lebih tinggi berbanding dengan bayaran yang dibeli oleh Kementerian Kesihatan. Umpamanya, kita beli dos Hepatitis 'B' harganya \$7.00 satu dos sahaja, tetapi kita memberikan secara percuma kepada bayi-bayi yang baru lahir, berikan kepada golongan-golongan yang berisiko tinggi seperti penagih dadah atau kakitangan hospical secara percuma tetapi pihak swasta iaitu klinik-klinik telah charge lebih tinggi, mungkin \$40 hingga \$60 satu dos tetapi kita hargailah peranan yang dimainkan oleh pihak swasta dan kita tahu pada masa sekarang melalui kempen memberikan perlalihan Hepatitis 'B' kepada bayi-bayi ini, satu golongan yang kita anggap amat penting, sebab kalau kita memberikan perlalihan kepada mereka pada satu masa kelak, besar kemungkinan kita dapat menghapuskan Hepatitis 'B' di kalangan umum di negara kita.

Pada masa ini daripada angka-angka yang telah diberi kepada saya oleh Kementerian Kesihatan, yang menerima dose pertama iaitu bayi-bayi yang telah lahir sejak bulan Februari tahun ini, bila kita mula melancarkan Kempen Hepatitis B, pelalian Hepatitis B, sebanyak 277,000 bayi-bayi hingga 30 September tahun ini atau 84% daripada jumlah bayi-bayi baru yang lahir telah menerima dosa yang pertama. Dose yang kedua hanya 70% yang menerimanya iaitu 210,000 bayi-bayi dan untuk dose yang ketiga kita hendakkan tiga dose untuk perlindungan yang sepenuhnya. Dua dose tidak cukup dan kita hendak tiga dose sekali. Dose ketiga atau booster dose, hanya 72,000 menerimanya atau 60% daripada jumlah bayi-bayi yang baru lahir sejak bulan Februari tahun ini telah diberikan pelalian imunisasi yang lengkap, yang sempurna.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi, silakan Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan sama ada Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk memberi suntikan penyakit Hepatitis B dengan percuma untuk tiap-tiap rakyat Malaysia.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah membekalkan peruntukan sebanyak \$11.7 juta pada tahun ini untuk pelalian Hepatitis B, tetapi itu tidak cukup untuk memberikan pelalian Hepatitis B kepada seluruh rakyat jelata di negara kita. Kita tumpukan, sebagaimana saya sebut tadi, kepada golongan-golongan yang berisiko tinggi dan kita harap dengan peranan oleh pihak swasta, badan-badan sukarela seperti Lion's Club, Rotary Club,

Shelter dan lain-lain kita dapatlah memberikan pelalian kepada lebih ramai di dalam negara kita. Tetapi kita sudah mengkaji seberapa boleh untuk memperluaskan lagi golongan-golongan yang akan diberikan imunasasi hepatitis B.

SKIM PERKHIDMATAN GURO-GURU

7. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimanakah terjadinya skim Gred Guru kepada 2 iaitu guru-guru siswazah dan bukan siswazah dan adakah ini akan dapat menjamin bahawa seseorang guru itu mendapat kenaikan gaji yang setimpal; dan
- (b) bagaimanakah nasib guru-guru sementara yang pada masa dahulu dapat membantu Kerajaan mengatasi masalah guru.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Mentari Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) adalah merupakan usaha Kementerian Pendidikan bagi mengemaskinikan dan melaraskan sebelas skim perkhidmatan PPP dengan tujuan menjadi pendidikan lebih kemas dan bekesan serta berupaya mengendalikan peranan dan tanggungjawab yang dijangka akan menjadi lebih mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Perkhidmatan PPP Siswazah merupakan skim perkhidmatan bagi guru-guru yang mempunyai kelayakan Ijazah Universiti manakala skim perkhidmatan PPP Bukan Siswazah merupakan satu skim gabungan (integrated), dengan izin, bagi mereka yang mempunyai kelayakan SPM atau STPM atau Diploma. Dua skim

perkhidmatan PPP ini adalah lebih baik daripada sebelas skim yang lama.

Di dalam urusan mengemaskinikan skim-skim perkhidmatan sememangnya terdapat keadaan di mana seseorang penyandang itu hanya menikmati kenaikan gaji yang kecil ataupun ada penyandang yang tidak mendapat sebarang kenaikan gaji langsung, semasa pemindahan daripada skim perkhidmatan lama ke skim perkhidmatan baru.

Guru-guru sementra tanpa latihan adalah tidak layak ditawarkan atau option, dengan izin, ke dalam skim perkhidmatan PPP yang baru. Walau bagaimanapun, guru-guru Sandaran Terlatih boleh dipertimbangkan untuk lantikan biasa ke perkhidmatan PPP yang baru itu jika terdapat kekosongan jawatan dan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah skira perkhidmatan PPP baru tersebut.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah matapelajaran 'sejarah' diwajibkan di Sekolah-sekolah Menengah? Kalau ya, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk mengambil lebih ramai siswazah yang telah mengkhusus dalam matapelajaran sejarah untuk diterima masuk mengikuti Diploma Pendidikan pada tahun yang akan datang.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pelajaran sejarah ialah merupai salah satu pelajaran yang amat diperlukan terutama di dalam sesuatu bangsa yang sedang membangun untuk meletakkan bangsanya sejajar dengan tamaddun yang lain.

[Tepuk]

BANK YANG DIAMBILALIH OLEH BANK NEGARA

8. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh bank-bank yang diambilalih olehnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mobamed]:Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh bank dan syarikat kewangan yang diambilalih olehnya adalah bergantung kepada bentuk masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi kewangan berkenaan.

Di antara langkah-langkah yang biasa diambil oleh Bank Negara adalah seperti berikut:

- (i) menambahkan modal, sama ada dengan cara ekuiti atau pinjaman;
- (ii) menyusun semula modal syer dengan mengurangkan syer institusi kewangan yang terjejas oleh kerugian yang besar;
- (iii) menyusun semula pasukan pengurusan termasuk Lembaga Pengarah;
- (iv) mengawal operasi, misalnya, dengan cara membeku atau mengawal pemberian pinjaman; dan
- (v) mengukuhkan pengurusan dan mengetatkan prosedur operasi.

PESAKIT BUAH PINGGANG

9. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Kesihatan menyatakan

- (a) Hospital yang manakah mempunyai kemudahan-kemudahan pendialisis bagi pesakit-pesakit buah pinggang;
- (b) apakah anggaran bilangan pusat pendialisis (dialysis centre) yang diperlukan untuk menampung bilangan pesakit-pesakit buah pinggang; dan
- (c) apakah kos terlibat bagi setiap pesakit buah pinggang untuk menjalankan pendialisis.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hospital-hospital yang mempunyai kemudahan-kemudahan haemodialisis bagi pesakit-pesakit buah pinggang ialah Hospital Besar Alor Setar, Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Johor Bahru, Hospital Besar Kuantan, Hospital Besar Kuala Terengganu, Hospital Besar Kota Bharu, Hospital Besar Kota Kinabalu, Hospital Besar Kuching dan Hospital Daerah Sibul.
- (b) adalah dianggarkan bahawa sebanyak 30 pusat dialisis baru diperlukan setiap tahun untuk menampung anggaran bilangan pesakit-pesakit buah pinggang.

- (c) di samping kos pembelian sebuah mesin yang berharga kira-kira \$25,000, anggaran kos -yang terlibat bagi setiap pesakit buah pinggang untuk menjalani dialisis ialah \$800 sebulan atau \$10,000 setahun untuk ubat-ubatan dan alat-alat "disposable".

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan sama ada Yang Berhormat bahawa ramai rakyat Malaysia yang sakit buah pinggang pergi ke negara India untuk menukar kepada buah pinggang baru. Kalau sedar, beri sebab-sebabnya.

Tuan Chua Jui Meng: Memanglah, Yang Berhormat, kita sedar dalam Kementerian Kesihatan mengenai pesakit-pesakit buah pinggang yang pergi ke luar negeri khususnya ke India untuk pemindahan buah pinggang (kidney transplant), kita sedar mengenai perkara ini. Mengenai kenapa sebab-sebabnya, sepatutnya terpulang kepada mereka, tanya mereka kenapa mereka hendak pergi ke negara India, manakala dalam negeri kita ada pakar-pakar, kita ada hospital-hospital yang begitu banyak untuk memberikan perkhidmatan secara percuma atau dengan kos yang amat rendah.

Saya diberitahu pada masa kini kos untuk pemindahan buah pinggang di India telah meningkat dengan pesat. Beberapa tahun kebelakangan dahulu kita tahu bahawa \$15,000 dapat buat satu pemindahan di India tetapi kos sekarang telah meningkat dengan inflasi di India kepada \$40,000 tetapi atas sebab-sebab kenapa mereka hendak pergi, kita boleh buat satu guess sahaja, mungkin ia tidak dapat satu transplant daripada keluarga sendiri. Perkara yang paling baik ialah daripada anak kepada bapa atau daripada adik-beradik, kita boleh buat matching. Kalau kita berikan satu buah pinggang kepada pesakit itu, kita dapat menjalankan dengan lancar di hospital-hospital kita khususnya di Hospital Besar Kuala Lumpur, tetapi mereka enggan beri, sebab prasangka, prejudis mengenai memberikan satu buah pinggang. Enggan beri - anak enggan beri kepada bapa dan bapa enggan beri kepada anak. Suami hendak beri kepada isteri pada masa ini tidak begitu baik, sebab ini mungkin tidak matching, kidneynya tidak matching. Kita dengar di Amerika Syarikat umpamanya, bila

saorang isteri beri secara percuma kepada suaminya masa berkasih-kasih, dia berikan kepada suaminya satu buah pinggang. Tetapi bila sudah gaduh, sudah berpisah dan berceraai, kita dapati di Amerika Syarikat ada kes-kes tuntutan mahkamah di mana isteri itu minta balik buah pinggang itu daripada suaminya. [Ketawa] Itu benar ada berlaku. Tetapi untuk menjawab, mungkin sebab prasangka dalam masyarakat kita, ia tidak mahu memberikan percuma dan mendermakan buah pinggang kepada sipesakit dalam keluarganya.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN (TPTJ)

10. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil bagi melicinkan dan mengubahsuai perjalanan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang banyak menimbulkan kontroversi di kalangan usahawan-usahawan dan juga didapati Tabung tersebut tidak dapat bergerak dengan sempurna kerana tidak wujudnya kordinasi yang seimbang di antara usahawan yang bermasalah dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pihak urusetia Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) akan sentiasa melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan sesuai bagi memastikan pelaksanaan skim ini berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil termasuklah:-

- (1) Membenarkan bantuan diberi kepada usahawan-usahawan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan baru jika ianya boleh membantu kedudukan kewangan usahawan berkenaan. Sebelum ini bantuan hanya diberi bagi memulih kegiatan yang sedia ada sahaja.

- (2) Bantuan juga boleh diberi bagi membayar pinjaman bank yang sedia ada sekiranya usahawan berkenaan masih mempunyai projek untuk dijalankan dan berdaya-maju. Sebelum ini bantuan hanya diberikan untuk menggerakkan projek berkenaan sahaja.
- (3) Dalam kes-kes tertentu, bantuan akan diberi melalui pinjaman alat-alat seperti mesin-mesin kepada usahawan-usahawan yang didapati memerlukannya. Alat-alat itu akan dibeli atau disewa oleh TPU.
- (4) Pihak Tabung juga akan mengeluarkan bantuan modal permulaan kepada setengah-setengah usahawan tertentu dengan secara memegang syer dalam syarikat berkenaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa bantuan kewangan dapat diberi dengan segera kepada usahawan-usahawan yang tidak mempunyai cagaran dan mereka boleh membeli balik syer itu apabila keadaan kewangan mereka mengizinkan kelak. Bagi tujuan ini, sebuah syarikat telah ditubuhkan oleh Bank Negara dengan penyertaan ekuiti oleh beberapa bank lain. Dengan tujuan untuk memegang ekuiti dalam syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan menolak dakwaan oleh setengah pihak yang menyatakan bahawa perjalanan TPU ini banyak menetapkan kontroversi. Ini adalah kerana Kerajaan telahpun meletakkan syarat-syarat yang tertentu bagi mendapatkan bantuan daripada Tabung ini dan mereka yang memenuhi syarat-syarat itu

sepatutnya tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan bantuan.

Pada pandangan Kementerian Kewangan, kontroversi itu timbul kerana ada pihak-pihak tertentu yang salah faham dengan matlamat Tabung ini dan cuba mendapatkan sumber kewangan dengan cara mudah, bukan untuk menggerakkan projek mereka tetapi untuk membayar hutang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes-kes yang ditolak kebanyakannya atas sebab-sebab yang berikut:-

- (i) syarikat tidak lagi beroperasi;
- (ii) pemohon telah muflis;
- (iii) projek tidak berdaya-maju;
- (iv) syarikat tidak dimiliki 100% oleh bumiputera;
- (v) Tidak menghadapi masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan juga menolak dakwaan yang menyatakan bahawa Tabung tersebut tidak dapat bergerak dengan sempurna kerana tidak wujudnya kordinasi yang seimbang di antara usahawan yang bermasalah dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam hubungan ini, ingin saya jelaskan bahawa halangan-halangan utama yang dikenalpasti oleh pihak urusetia Tabung itu adalah seperti berikut:-

- (i) tidak ada kerjasama daripada pemohon di mana ada di antara mereka tidak memberitahu jumlah sebenar pinjaman mereka dengan institusi kewangan. Ada juga pemohon yang lewat datang atau tidak datang langsung untuk berbincang dengan institusi-institusi kewangan walaupun beberapa kali dipanggil.

- (ii) maklumat yang diberikan tidak lengkap dan ini menyebabkan kesulitan dan kelewatan dalam memproses permohonan bantuan;
- (iii) syarikat-syarikat tidak menyimpan rekod dengan betul menyebabkan pihak urusetia terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan laporan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tetap yakin bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan khususnya pegawai-pegawai urusetia TPU akan tetap memberi kerjasama kepada usahawan-usahawan bagi membantu memulihkan kegiatan mereka. Dalam hubungan ini mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan layanan atau pertimbangan yang diberikan, bolehlah membuat aduan bertulis kepada Kementerian Kewangan untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sumber kewangan kita adalah terhad. Oleh itu Kerajaan terpaksa memastikan setakat yang boleh bahawa bantuan yang dikeluarkan itu benar-benar dapat membantu mengembangkan kegiatan ekonomi demi untuk faedah semua dan bukan hanya untuk memberi faedah kepada usahawan-usahawan yang berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 35 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:-

Walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam, hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Walau apapun paruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [21hb Disember, 1989]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam menyambung ucapannya, saya suka hendak meminta kerjasama setiap orang Ahli Yang Berhormat yang akan berucap mengenai Rang Undang-undang Perbekalan hari ini supaya -

- (i) ringkaskan ucapan Ahli Yang Berhormat dan jika boleh menghabiskan ucapan itu dalam tempoh 20 minit; dan
- (ii) tumpukan perhatian dan memberi pandangan atas perkara baru dan tidak mengulangi hujah-hujah yang telahpun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Dengan berbuat demikian, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat akan berpeluang berbahas sebelum Dewan ditangguhkan pada jam 8.00 malam ini.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam untuk menyambung ucapan beliau. Dipersilakan, Yang Berhormat.

4.00 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung balik ucapan saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap mengenai dengan tajuk pelancongan. Menurut prgram yang dinyatakan dalam buku Belanjawan tahun 1990 ini bahawa sektor "pelancongan adalah merupakan sektor yang terpenting dan dengan usaha-usaha Kerajaan seperti mengadakan CHOGM, Tahun Melawat Malaysia, peningkatan kehadiran para pelancong begitu menggalakkan. Jadi aspek usaha pelancongan ini akan terus diperbesar serta diperkembangkan biak dengan mengadakan" berbagai kemudahan dan sebagainya. Tetapi saya mengingatkan bahawa janganlah negara ini meniru daripada perangai negara-negara lain. Kita tidak mahu hidangan-hidangan dan sajian-sajian yang tidak sihat yang bercanggah dengan nilai-nilai agama dan budaya diperkenalkan dan dipersembahkan. Kita tidak mahu mana-rnana tempat dalam negara ini akan dipanggil sebagai "Bangkok" atau sebagai "Golok". Apa yang perlu kita lihat bahawa negara kita ini negara indah, budaya menarik, pantai kita banyak, tempat tempat perkelahan bagus, rimbanya, air terjunnya, daratnya, bayunya, sungainya, pantainya dengan pasir yang putih. Kalau ini dapat dieksploitasikan sebaik mungkin, saya percaya dan yakin bahawa aspek pelancongan akan menjadi satu aspek yang menarik dan dapat dihormati oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini, saya ingin juga menyentuh tentang beberapa masalah orang asli yang patut saya turut bincang juga di dalam perbahasan ini. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima

kasih kepada Kerajaan dan khususnya kepada Kementerian Kewangan berhubung dengan pemberian peruntukan kewangan bagi tahun 1990 kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Kementerian Dalam Negeri, yang berjumlah \$28,963,500 bagi peruntukan pengurusan dan pembangunan bagi tahun tersebut. Semoga dengan peruntukan sebanyak itu pihak Jabatan akan dapat melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi untuk masyarakat Orang Asli pada keseluruhannya. Oleh kerana peruntukan sebanyak itu tidak sampai separuh untuk pembangunan dan kebanyakan peruntukan adalah untuk pengurusan Jabatan, Kerajaan perlu memberi peruntukan tambahan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kelima sebagaimana yang dipohon dahulu untuk pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli yang masih banyak ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan khususnya Kementerian Dalam Negeri perlu membuat pindaan kepada Akta 134 iaitu Akta Orang Asli, berdasarkan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Orang-orang Asli, terutamanya dari segi pemilikan tanah cadangan-cadangan berikut adalah disyorkan:

- (a) Orang-orang Asli hendaklah diberi milik tanah secara kekal oleh Kerajaan Negeri sama ada dalam bentuk garan, bebas atau bagi tampoh tidak kurang dari 90 tahun. Dengan cara ini orang asli akan lebih merasakan bahawa mereka adalah sebahagian dari bumiputera dan rakyat negara ini. Dengan cara pemilikan tanah juga mereka dapat menggunakan tanah sepenuhnya untuk tanaman-tanaman yang kekal. Di samping itu mereka juga dapat, menjalankan urusanniaga tanah seperti

menggadaikan tanah berkenaan untuk mendapatkan modal bagi memajukan tanah mereka atau untuk keperluan-keperluan perniagaan. Pada masa ini Orang-orang Asli hanya berhak dari segi menggunakan tanah sahaja tanpa hak milik dan menjalankan urusan tanah tersebut.

- (b) Tanah-tanah rizab Orang Asli hendaklah dikekalkan sebagai rizab untuk Orang-orang Asli selama-lamanya. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah dihadkan supaya bagi mana-mana tanah yang dibatalkan oleh PBN di bawah Seksyen 6(3) dan 7(3) Akta 134 masing-masing, maka suatu tanah di tempat lain yang mana mempunyai keluasan dan kualiti yang sama hendaklah diganti bagi kegunaan Orang-orang Asli. Sekiranya tidak dibuat demikian rizab Orang Asli akan berkurangan dan satu hari nanti mungkin tidak ada langsung tanah-tanah rizab untuk Orang-orang Asli oleh kerana Seksyen 6(3) dan 7(3) memberi kuasa yang penuh kepada PBN untuk membatalkan tanah-tanah kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli tanpa gantian. Adalah disyorkan seksyen 6(3) dan 7(3) Akta 134 dipinda bagi memasukkan elemen gantian sebagai pra-syarat sebelum sesuatu tanah kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli dibatalkan sepertimana yang terdapat di bawah Perkara 89(3)(e) Parlembagaan Malaysia.

- (c) Akta 134 hendaklah juga dipinda supaya ianya selaras dengan peruntukan yang ada di dalam Enakmen Rizab Melayu, misalnya PMS - Cap.142. Dengan berbuat demikian tanah-tanah rizab Orang Asli akan terjamin dan tidak akan terlepas ke tangan orang lain.
- (d) Enakmen Rizab Melayu di negeri-negeri juga perlu dipinda supaya membolehkan Orang-orang Asli membeli dan memindahmilik tanah-tanah di dalam kawasan rizab Melayu jika memenuhi syarat-syarat tertentu. Oleh itu takrif "Melayu" di dalam Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri hendaklah dipinda bagi memasukkan Orang-orang Asli yang beragama Islam, bercakap Melayu dan mengikut adat resam dan budaya Melayu bagi keperluan Enakmen Rizab Melayu. Dengan cara ini Orang-orang Asli yang cukup dengan syarat-syarat di atas dengan sendirinya akan dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat Melayu. Ini juga sebagai daya tarikan bagi mereka untuk memeluk agama Islam dan mengikuti adat istiadat Melayu. Pada masa ini Seksyen 10 Akta 134 cuma membenarkan Orang-orang Asli menduduki tanah rizab Melayu sahaja - dan tidak memilikinya.
- (e) Seksyen 12 Akta 134 juga perlu dipinda. Pada masa ini di bawah Seksyen 12 Akta 134, PBN boleh membatalkan mana-mana kawasan atau rizab Orang Asli, dan kesannya adalah sama dengan Seksyen 6(3) atau 7(3), Akta 134. Oleh itu adalah disyorkan supaya sebelum

sesuatu kawasan atau rizab Orang-orang Asli itu dibatalkan sesuatu kawasan yang lain perlulah diisytiharkan sebagai kawasaa Orang Asli sebagaimana juga syor di (b) di atas. Perkara yang sama telahpan diperuntukkan di bawah perkara 89(3)(c) Perlembagaan Malaysia bagi tanah-tanah dalam rizab Melayu dalam mana sesuatu tanah rizab Melayu terkeluar dari menja di rizab Melayu. Mana-mana tanah yang sama dari segi sifat dan keluasannya hendaklah diisytiharkan sebagai rezab Melayu. Dengan cara ini keluasan tanah-tanah Orang-orang Asli akan sentiasa terjamin. Di Sabah dan Sarawak, di bawah Perkara 161A(5), Perlembagaan Malaysia, undang-undang Negeri di kedua-dua negeri itu boleh memperuntukan untuk merizabkan tanah untuk, Orang-orang Agli (native) negeri itu atau memberi milik untuk mereka atau memberi keutamaan mengenai pemberian milik tanah. Ini bukanlah bermakna bahawa tidak ada kawalan dikenakan ke atas tanah-tanah yang akan kekal diberimilik kepada Orang-orang Asli. Cara kawalan boleh dibuat terhadap tanah-tanah Orang Asli yang diberi hakmilik dengan menggunakan peruntukan-peruntukan Enakmen Rizab Melayu yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah politik dan Orang Asli. Untuk hidup dalam sesebuah negara moden, satu kaum itu mestilah mempunyai belantan politik. Tanpa belantan politik, mereka akan ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi dan sosial. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan Barisan Nasional disyorkan supaya Orang Asli diberi peluang untuk mempunyai wakil dalam Dewan, Undangan Negeri dalam negeri yang mempunyai ramai penduduk Orang Asli, iaitu Dewan Undangan Negeri Perak dan Pahang, serta satu kerusi Dewan Rakyat jika boleh pada masa pilihanraya yang akan-akan datang. Dengan hanya mempunyai wakil tunggal dalam Dewan Negara tidaklah mencukupi untuk wakil Orang Asli, kerana mereka tinggal di segenap pelusuk tanahair. Mungkin banyak perubahaa boleh berlaku jika Orang Asli mempunyai wakil dalam Dewan Undatigan Negeri di samping wakil dalam Parlimen, kerana tanah sebagai sumber utama mata pencarian Orang Asli, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Kewangan, iaitu saya telah difahamkan bahawa permohonan kenaikan elaun tahunan Batin-Batin, Penghulu, Ketua-Ketua Kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia telah dikemukakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kepada Kementerian berkenaan sejak setahun yang lalu tetapi belum dapat bayaran seperti yang dipohon kenaikan itu, Saya berharap Kementerian Kewangan akan dapat menyelesaikan dengan secepat mungkin di atas kenaikan elaun Ketua-Ketua Kanpung Orang Asli tersebut, sebab skim elaun Ketua-Ketua Kampung Orang Asli ini sejak dari

penjajah lagi belum pernah dinaikkan lagi dan sekarang pun ekonomi negara kita agak pulih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan ini, saya ingin juga sekali lagi menyentuh berkenaan proses kerja-kerja mewartakan tanah-tanah kawasan rizab yang dipohon oleh Jabatan untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Di sini saya minta kerjasama dan jasa baik Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri serta pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu Pahang, Perak, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Melaka agar proses mewartakan tanah rizab kawasan Orang Asli ini dapat dibuat secara tidak memakan masa yang lama demi kesejahteraan bersama, khasnya kepada masyarakat kami Orang Asli yang amat merasainya. Saya difahamkan tanah rizab Orang Asli yang dipohon untuk diwartakan berjumlah 294,537 ekar keseluruhannya di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah didapati bahawa banyak lagi sumber-sumber semula jadi baik tumbuh-tumbuhan ataupun logam-logam didapati di kawasan-kawasan yang didiami oleh masyarakat Orang Asli. Hingga ke hari ini, bilangan Orang Asli yang mendapat nikmat atau keuntungan dengan cara langsung daripada usaha-usaha mengeluarkan sumber-sumber ini seperti menerusi pembalakan, perlombongan dan sebagainya masih berkurangan. Oleh kerana itu, bagi pihak masyarakat Orang Asli, khususnya mereka yang belum lagi mendapat apa-apa nikmat dan keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha ini, saya memohon kerjasama dan simpati Kerajaan-

kerajaan Negeri supaya dapat diberi peluang kepada Orang-orang Asli yang berkenaan menikmati keuntungan dengan secara langsung daripada sumber-sumber usaha-usaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Belanjawan 1990, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diberi peruntukan yang banyak dari lain-lain Kementerian. Bila saya sebutkan kawasan luar bandar di Samenanjung Malaysia, ini termasuklah kami masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di luar bandar yang masih banyak memerlukan peruntukan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, perhubungan jalanraya dari kampung ke pekan-pekan serta jalan-jalan kampung. Di atas perkara tersebut saya berharap Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian peruntukan di atas kemudahan asas yang saya sebutkan di atas. Ini termasuklah agensi pelaksanaan seperti Jabatan Kerjaraya (JKR) untuk membina jalan dan bekalan air dan Lembaga Letrik Negara untuk bekalan elektrik sebab didapati banyak rungutan daripada orang-orang kanpung telah lama mereka memohon tetapi belum dilaksanakan walaupun telah dijanji segala projek bekalan-air, elektrik dan jalan di kampung-kampung Orang Asli ini. Saya harap Kementerian berkenaan akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Belanjawan ini, saya ingin menyentuh tentang barang-barang keperluan harian yang harganya nampaknya masih berterusan naik, walaupun pihak Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan yang dibentangkan sekarang beberapa cukai telah diturunkan dengan tujuan untuk meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah, tetapi sebaliknya pihak peniaga-peniaga masih

menaikkan lagi harga beberapa barang keperluan harian ini, yang mana keadaan ini sudah pasti menjadi beban yang berat terpaksa ditanggung oleh rakyat terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah, termasuklah para petani di kawasan luar bandar.

Oleh itu dalam hal ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan, khasnya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat sesuatu bagi mengurangkan beban yang ditanggung. oleh mereka ini iaitu seperti menurunkan harga barang-barang keperluan harian yang berkenaan, misalnya dengan dapat mempengaruhi peniaga-peniaga supaya menurunkan harga barang-barang makanan, terutamanya bahan-bahan makanan keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kamenterian Dalam Negeri berkenaan dengan polis iaitu kita ucapkan tahniah kepada pihak Ketua Polis Negara kerana menubuhkan Bahagian Pencegah Rasuah untuk mencegah rasuah kolar putih. Ini satu jasa baiklah untuk mengatasi pencegahan rasuah bukan sahaja di kalangan pegawai rendah dan atasan akan dibanteras. Dan juga di samping itu saya lihat peruntukan Kementerian Dalam Negeri khasnya polis banyak diperuntukkan. Dengan itu, saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat melaksanakan satu Pasukan Senoi Praaq, di Kem Keruh. Kita dapati banyak rungutan-rungutan di atas quarters mereka di sana, kebanyakan tidak ada quarters dan mereka bertugas di sana banyak jadi masalah, kerana keluarganya tidak dapat dibawa oleh sebab quarters tidak ada. Diharap Kementerian yang berkenaan akan dapat melaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhinya, baru-baru ini kita dapat tahu berkenaan dengan perisytiharan darurat telah dibatalkan dan

kita harap pembangunan di pedalaman di Hulu Perak, Pahang dan Kelantan yang kebanyakannya masyarakat Orang Asli masih lagi tidak ada pembangunan. Saya harap Kementerian dan agensi Kerajaan daripada pihak FELCRA dan FELDA akan dapat manbangunkan tanah-tanah Orang Asli kita yang banyak secara skim FELDA di pedalaman. Dengan adanya pembangunan itu kita harap masyarakat Orang Asli akan dapat menikmati pembangunan, masa sekarang masih dalam keadaan daif lagi di pedalaman.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi peruntukan itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim.

4.28ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong supaya satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Saya menyambung beberapa hujah yang disampaikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berhubung dengan industri pengiklanan yang mana boleh dikatakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini menyentuh berhubung dengan soal-soal pengiklanan yang mana saya rasa dunia hari ini, dunia information technology, dengan izin, yang iklan

adalah satu daripada cawangan industry communication. Jadi, pentingnya pada saya industri ini, inilah satu industri yang boleh memutarbelitkan keadaan yang ada dan. industri ini juga, siapa juga yang memainkan peranannya boleh menyampaikan mesej-mesej sama ada positif ataupun negatif. Sekarang ternyata industri ini di-kelolakan oleh lebih kurang 60% daripada pakar-pakar datang daripada foreigners ataupun daripada orang asing. Maka tidaklah hairan bagi kita kalau ada kekosongan dari segi nilai-nilai Islam, kebangsaan, kebudayaan di dalam penyampaian yang disampaikan melalui media-media yang ada. Oleh kerana banyak teguran-teguran tadi yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa adalah tanggungjawab saya untuk memberi sedikit tentang latar belakang industri ini untuk membantu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pertama, industri pengiklanan di Malaysia adalah dimonopoli oleh agensi-agensi pengiklanan antarabangsa. Berdasarkan penyelidikan terhadap 33 buah agensi pengiklanan terbesar di Malaysia dalam tahun 1989 keputusan berikut diperolehi, iaitu antarabangsa - 22 syarikat yang mana membawa peratus lebih kurang 66%, bukan bumiputera - 9 yang mana membawa peratus sebanyak 27% dan bukan bumiputera - 3. Ini berdasarkan kepada penyelidikan hingga ke tahun 1989, Data ini adalah berdasarkan juga agensi yang mempunyai billing tidak kurang daripada \$2 juta. Puratanya ialah \$25 juta dan yang terbanyak ialah \$68 juta. Purata billing agensi pengiklanan bumiputera ialah \$200,000. Agihan majoritinya adalah di peringkat kurang daripada \$150,000 manakala yang terbanyak ialah \$2 juta bagi tahun 1988.

Perbelanjaan pengiklanan di Malaysia adalah seperti berikut:

1984	-	\$372.4 juta
1985	-	\$416.1 juta
1986	-	\$342.1 juta
1987	-	\$371.8 juta
1988	-	\$515.9 juta.

Agihan billing ini tidak sampai pun 3 1/2 % yang diperolehi oleh agensi-agensi pengiklanan bumiputera.

Masalah yang dihadapi ialah pertama, pasaran, Agensi-agensi pengiklanan antarabangsa bertindak monopoli pasaran pengiklanan di Malaysia. Keduaanya, agensi-agensi pengiklanan bumiputera sukar untuk mendapat akaun dari syarikat-syarikat 'blue chips

advertisers', dengan izin, kerana mereka mempunyai pertalian antarabangsa di sini. Justeru itu mereka menggunakan agensi-agensi pengiklanan mereka yang bercawang gandi di sini. Agensi-agensi pengiklanan bumiputera langsung tidak diberi peluang. Agensi-agensi pengiklanan antarabangsa ini menubuhkan anak-anak syarikat mereka untuk turut bersaing. Ini penting kepada mereka untuk mengagihkan akaun kategori barangan yang sama.

Sebagai contoh, agensi tersebut memiliki akaun MW-Toyota, maka anak syarikatnya akan memiliki akaun Asia Motors. Ini boleh mempersempit lagi peluang pasaran bagi syarikat pengiklanan bumiputera. Tindakan agensi-agensi pengiklanan antarabangsa ini seterusnya ialah dengan membeli agensi-agensi perkhidmatan yang ada atau bertindak sebagai mergers, ini telah membolehkan mereka mengagihkan akaun yang ada kepada kelompok mereka sahaja. Adalah sukar untuk agensi pengiklanan bumiputera untuk memperoleh akaun-akaun ini. Nama mereka yang telahpun established itu lebih memudahkan mereka. Badan berkanun, agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat naungan Kerajaan pula tidak menggunakan agensi pengiklanan bumiputera untuk mendapatkan perkhidmatan mereka, malah terdapat juga badan-badan ini menggunakan perkhidmatan agensi antarabangsa.

Pengusaha-pengusaha bumiputera juga ada yang tidak tahu menggunakan perkhidmatan pengiklanan untuk perniagaan mereka. Kalau yang menggunakan perkhidmatan ini, mereka lebih cenderung untuk menggunakan agensi pengiklanan antarabangsa, anak syarikatnya atau mergers.

Keuntungan pengiklanan sebahagian besarnya datang dari comission media massa, malangnya syarikat accreditation telah

dijadikan satu tekanan dari pihak media massa kepada agensi-agensi pengiklanan bumiputera ini. Sebagai contoh, accreditation yang ditetapkan oleh **New Straits Times** dalam bahasa Inggeris, adalah seperti berikut:

(Dengan izin

"The agency is required to furnish a cash deposit or a bank guarantee for a minimum sum of 350,000 or an equivalent of three months' billing, whichever is the higher."

Sudah pastilah perkara ini sukar dipenuhi kerana agensi pengiklanan bumiputera mempunyai pusingan modal yang terhad.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hendak bercakap seberapa pendek yang boleh. Saya sentuh yang lebih penting lagi, iaitu cadangan. Dari itu saya di sini mencadangkan Kerajaan perlulah menetapkan bahawa syarikat-syarikat yang ada mestilah menggunakan perkhidmatan agensi pengiklanan bumiputera sekurang-kurangnya 30% daripada perkhidmatan pengiklanan yang mereka perlukan, bahkan ini menolong dari banyak segi terutama dari soal nilai-nilai yang kita sebutkan tadi. Suatu konsortium perlulah dibentuk supaya akaun-akaun dapat diagihkan kepada agensi-agensi pengiklanan bumiputera sama ada melalui Kerajaan mahupun dewan perniagaan. Masalah kewangan mereka seboleh mungkin dalam cara apa sekalipun perlulah diatasi. Perlunya difikirkan kuota-kuota yang dapat memberi bantuan kepada agensi-agensi pengiklanan bumiputera. Satu persatuan yang setaraf dengan MAA ataupun 4A's perlulah ditubuhkan demi memperjuangkan serta membela nasib agensi-agensi pengiklanan bumiputera ini.

Dengan ini satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu soal kontraktor. Hari ini kontraktor bumiputera sudah hampir 13,000 banyaknya yang mana dikirakan total turn-overnya lebih kurang S650 juta setahun dan kalau

dibandingkan syarikat bukan bumiputera, seperti katakan Yeoh Tiong Lay, turn-overnya sendiri hampir \$1 billion. Ini bermaknanya satu kontraktor bukan bumiputera bersamaan dengan 13,000 turn-over kontraktor bumiputera. Dari itu saya mencadangkan soal pendaftaran pemborong-panborong ini elok dikaji semula oleh kerana kita terlalu menberatkan soal numbrnya sahaja, tetapi bukan qualitynya. Hari ini saya rasa terlalu mudah bagi seorang untuk mendapat lesen menjadi seorang pemborong hinggakan pemborong yang tidak bermutu banyak dalam jumlah 13,000 itu yang ini menjadikan kesusahan bagi mengelolakan untuk memperbaiki taraf-taraf mereka untuk dapat bersaing lebih hebat lagi.

Lagi satu, yang saya ingin sebutkan di sini ialah soal auditors. Kuasa-kuasa Auditor-General ini yang mana saya lihat daripada buku-buku ini yang diberi bersama di sini, saya dapati Auditor-General kita seolah-olah mempunyai banyak tugas tetapi tidak mempunyai kuasa. Setengah daripada penyata kira-kira yang ada dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan itu cukup banyak kesilapan dan kesalahan yang dibuatnya. Jadi dari itu saya menyeru kepada Kerajaan ataupun Kementerian Kewangan memberi kuasa yang lebih kuat lagi kepada Auditor-General supaya dia dapat mengawasi perjalanan akaun itu lebih mudah lagi.

Oleh kerana masa saya sudah terhad, di sini sahajalah saya berhenti, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lau dahulu. Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat mulakan ucapan, boleh saya mohon untuk membuat satu pengumuman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3).
sekarang dengan sukacitanya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji
Abu Bakar Lajim untuk mempengerusikan Mesyuarat Dipersilakan Yang
Berhormat Datuk.

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan Yang Berhormat Lau.

4.39 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan
terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada
saya untuk berdiri bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan
Rang. Undang-undang suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang
daripada Kumpulan wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990
dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jadual perbelanjaan kita
terus nampak Kementerian Pendidikan dapat peruntukan yang terlalu
banyak. Peruntukan untuk perbelanjaan Kementerian Pendidikan adalah
\$4,660,242,600.

Peruntukan yang banyak seperti ini menunjukkan Kerajaan sangat mementingkan pendidikan kepada rakyat jelata. Tetapi dengan dukacita, saya ingin memperingatkan pihak kuasa Kementerian Pendidikan bahawa kebanyakan sekolah rendah jenis kebangsaan di luar bandar masih sangat kurang baik. Kebanyakan bangunan sekolah rendah jenis kebangsaan masih sangat buruk dan tidak senonoh untuk digunakan oleh budak-budak sekolah. Banyak janji telah disampaikan kepada rakyat untuk membaiki dan membaharui bangunan sekolah rendah jenis kebangsaan yang lama dan buruk. Tetapi kebanyakan projek-projek yang telah dijanji tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan wang. Contohnya ada sebuah sekolah yang bernama SRJK(C) Bunan, di Bukit Bakri, Muar, Johor didiri atas tanah Kerajaan, tidak dapat dibina semula walaupun peruntukan telah dijanji selama 10 tahun. Hingga sekarang keadaan sekolah itu masih sangat kurang memuaskan. Tetapi ada sekolah seperti sekolah tinggi diberi terlalu banyak peruntukan untuk tiga blok bilik darjah baru yang patut disiapkan tiga tahun dahulu, tetapi projek ini telah ditangguhkan selama tiga tahun dengan pertukaran tiga kontraktor.

Mengenai perbelanjaan OCAR untuk sekolah-sekolah, dengan dukacita saya ingin menyebutkan peruntukan OCAR tidak ditambah sedikitpun selama 20 tahun, walaupun harga barang-barang sekolah telah naik banyak kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan Kementerian Kasihatan adalah \$1,278,135,500. Angka Ini adalah sangat besar, tetapi semua Hospital Daerah masih sangat kekurangan doktor khususnya doktor pakar. Kekurangan doktor pakar adalah sangat menyusahkan orang yang tinggal jauh daripada bandaraya, Kebanyakan

orang tidak mampu jumpa doktor pakar di klinik persendirian. Mereka juga sangat susah bila ingin doktor pakar di Hospital Kerajaan. Contohnya, doktor mata datang ke Hospital Daerah Muar sekali sebulan. Semasa doktor pakar berada di Muar, sangat ramai pesakit ingin jumpa dia kerana rakyat jelata di Muar sangat ramai dan doktor pakar sangat kurang. Saya fikir Kerajaan patutlah memberi insentif yang lebih baik kepada doktor pakar supaya mereka boleh terus berkhidmat kepada negara dan rakyat jelata negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya patut memuji Kerajaan yang telah memberi banyak faedah kepada orang biasa dan rakyat yang miskin. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional adalah mementingkan faedah rakyat, khas orang yang berpendapatan rendah. Tetapi Kerajaan mestilah lebih ketat dan berusaha memungut hutang kepada hospital kerana orang yang mampu bayar mesti dipaksa bayar supaya orang miskin boleh dapat faedah daripada bayaran oleh prang yang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya, ada satu peruntukan yang besar sekali. Tetapi pada hari ini kalau kita tengok di seluruh negara, ada banyak lagi jalan-jalan yang masih belum di tar lagi. Jalan-jalan tanah merah, jalan-jalan batu merah masih ada banyak. Apabila rakyat jelata soal kepada pihak **JKR**, mereka menjawab "Jalan itu bukan tanggungjawab kita, tanggungjawab Majlis daerah." Apabila kita berhubung kepada Majlis Daerah, mereka jawab, "Ini tidak kena-mengena dengan kita, hubung dengan JKR." Bila berhubung dengan JKR, mereka kata, "Ini bukan kita punya fasal, hubung dengan Pejabat Pegawai Daerah." Jadi, pada masa ini nampaknya Kementerian Kerjaraya adalah berbeza-beza. Pada hari ini, jalan pun ada beza-beza. Ada jalan JKR, ada jalan Majlis Daerah, ada jalan Pegawai Daerah, ada "jalan politik." Mengapa saya sebutkan "jalan politik?" "Jalan politik", bermaksud

apabila sampai pilihanraya, itu pulanglah kepada Wakil-wakil Rakyat masing-masing di kawasan itu untuk mengatasi masalah di tempat itu. Jadi, bila sampai masa itu, jalan itu barulah dapat memperbaiki. Saya harap Jabatan JKR ini yang ada peruntukan yang sebanyak itu patutlah mengatasi kerumitan-kerumitan semacam ini. Jangan beza-bezakan atas jagaan siapa. Saya harap-harapkan masa akan datang dan saya cadangkan pihak Kementerian yang berkenaan mengambil berat atas perkara ini.

Menyentuh kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, ini pun ada peruntukan yang besar. Perkhidmatan Awam ini adalah satu jabatan perkhidmatan yang sungguh mustahak. Pada masa sekarang, negara kita diperintah oleh Barisan Nasional. Kita menjalankan tugas-tugas dengan cara demokrasi. Tetapi bila Kerajaan kita sudah putus apa keputusan, ini terpulang kepada kakitangan Kerajaan kita untuk menjalankan tugas-tugas itu. Kadang-kadang rakyat jelata tidak puas hati oleh kerana, bukan semua, ada sebahagian kakitangan Kerajaan Barisan Nasional tidak menjalankan perkara itu dengan sepenuh-penuhnya. Inilah menyebabkan ada perkara-perkara tidak dapat selesai sampai bila pun. Jadi, saya harapkan sebagai kakitangan Kerajaan, mereka mesti taat setia kepada Kerajaan, taat setia kepada Raja-raja dan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, patutlah menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya untuk rakyat jelata kita oleh kerana gaji mereka dibayar oleh rakyat jelata kita dengan tidak kira bangsa. Saya harap Jabatan ini akan ambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap orang-orang yang tidak kerja betul-betul dalam Kerajaan Barisan Nasional. Kalau mereka tidak jalankan tugas mereka dengan betul-betul, berhentikan perkhidmatan mereka atau turunkan pangkat mereka.

Berhentikan atau turunkan pangkat mereka. Jadi, ini saya fikir sebagai kakitangan Kerajaan, jangan main politik. Ada kakitangan Kerajaan pada masa sekarang, depan pemimpin saya sokong Kerajaan tetapi di belakang, mainkan Kerajaan. Ini saya fikir tak patut.

Saya selalu melawat ke pejabat-pejabat, kadang-kadang kita nampak juga perkara ini benar, tidak boleh ditutup. Kadang-kadang mereka kata tak sempat, tetapi dalam masa tugas mereka, mereka membaca suratkhobar. Pergi kantin, makan dan berbual-bual antara satu dengan lain tetapi untuk tugas tak ada masa. Ini menyebabkan orang-orang miskin dari kampung, terutama sekali ulu-ulu yang naik bas datang terpaksa tunggu sampai satu hari dan tidak dapat jumpa pegawai yang berkenaan

Saya berharap pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ini akan mengambil tindakan yang tegas, siapa yang tidak mahu kerja tolong berhentikan. Oleh kerana negara kita pada masa sekarang ada banyak orang yang bijak pandai, penuntut-penuntut yang telah lulus dari universiti tunggu peluang pekerjaan. Jangan tambahkan pengangguran kerana pengangguran pada masa ini sudah sampai ke tahap yang kita tak boleh cekap. Biarkan mereka dapat peluang pekerjaan,

Tuan Yang di-Pertua, Parti Barisan Nasional telah memerintah negara kita lebih kurang hampir 33 tahun dan dahulunya oleh Perikatan, tetapi pada masa ini saya fikir semua rakyat di negara kita boleh duduk bersama-sama, bersefahaman di antara satu dengan lain macam adik beradik, tak ada pergaduhan. Mengapakah hari ini

Chin Peng yang ada di hutang selama 40 tahun, pada masa sekarang boleh letak senjata dan puji Kerajaan kita dan telah memberikan sokongan kepada Kerajaan kita, taat setia kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong dan D.Y.M.M. Raja-raja. Mengapakah kita sendiri hendak bergaduh dan parti Pembangkang, masing-masing ada parti seperti parti UMNO, dalam hal orang Melayu masih tak dapat selesai, boleh diselesaikan oleh UMNO. Masalah kaum Cina tak dapat diselesaikan, sekarang boleh diselesaikan oleh MCA atau Gerakan atau hal orang India yang tak boleh selesai, boleh diselesaikan oleh MIC. Sekiranya mereka tidak boleh selesai, bolehlah pulangkan kepada Parti Barisan Nasional. Parti Barisan Nasional boleh diselesaikan.

Kalau kita bandingkan pada hari ini, kita di Malaysia ini tidak payah ada parti Pembangkang. Tidak payah. Jadi, saya tak setuju adanya parti Pembangkang di dalam negara kita. Oleh sebab selalu kita mendengar parti Pembangkang menyatakan bahawa Parti Barisan Nasional tak berguna, ini tak berguna, ini tak berguna. Itu sahaja. Tetapi apakah yang mereka boleh buat? Mereka tidak fikir. Oleh sebab rakyat pada hari ini tidak boleh bersatu padu oleh kerana ada banyak parti Pembangkang. Kerajaan kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, baru-baru ini negara kita mengadakan sidang CHOGM, Malaysia telah dipuji oleh seluruh negara di dunia. Malaysia ini satu negara yang bertanggungjawab betul-betul, satu negara yang mempunyai rakyat berbilang bangsa. Jadi, perkara ini nampak oleh tiap-tiap ketua Kommanwel. Mereka sudah puji Malaysia. Mengapakah kita sendiri tidak mahu sokong penuh kepada pemimpin-pemimpin kita? Sepatutnya kita bersatu padu

menyokong kepada pemimpin negara kita. Kita tidak mahu lihat seperti negara asing iaitu kita setiap hari mendengar dan dapat membaca berita dalam akhbar seperti Rumania dan Filipina sentiasa ada perguduhan, ada pembunuhan. Ini cara pembunuhan, dengan izin, it goes against the will of God. Tuhan menyatakan thou shalt not kill, dengan izin, tetapi masih berlaku pembunuhan lagi. Ini sudah melanggar undang-undang Tuhan, tetapi Malaysia kita pada hari ini, negara yang berbilang bangsa, adakah berlaku perkara ini atau tidak? Ini menunjukkan bahawa pemimpin negara kita di bawah Barisan Nasional, iaitu UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain parti komponen ada mengambil berat dalam perkara ini.

Jadi, kalau Pembangkang tidak suka pada hari ini, terutama sekali Parti Semangat 46, diminta mereka jangan buat begitu lagi. Kebanyakan pemimpin Parti Semangat 46 dahulu pun mereka ada di dalam UMNO. Mereka pun tahu pada masa itu mereka menyokong penuh kepada Y.A.B. Perdana Menteri tetapi sekarang mereka menentang. Itu tidak patut tidak patut. Dahulu mereka telah menjadi Menteri-menteri, mereka lebih faham, sekarang baru tuduh UMNO, tuduh Kerajaan Malaysia, tuduh MCA dan tuduh parti komponen. Itu adakah patut ataupun tidak?

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mengetahui apa sebab Parti Semangat 46 ini cukup marah dengan Kerajaan, adakah kerana dia bertanding tak menang pada hari itu yang membuatkan dia marah, ataupun dia cuba hendak berkawan dengan DAP hendak menubuhkan Kerajaan. Saya minta penjelasan.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini senang

sahaja. Nampaknya mereka hendak berkawan dengan DAP, ini orang Cina tak suka. Itu satu sebab yang senang sahaja. Tetapi pada hari ini negara kita, kalau DAP hendak perintah negara kita, tunggulah 100 tahun pun kita belum tahu lagi, Jangan harap. Oleh sebab dasar parti DAP, kita tak setuju. Parti PAS, saya fikir semua orang Tionghua tak setuju, tak setuju. Orang India pun tak setuju. Orang UMNO sendiri pun tak setuju.. Jadi, kita mahu component party **ini**, Parti Barisan Nasional hidup selama-lamanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini orang asing masuk ke negara kita dan semakin lama semakin bertambah. Ini adalah merupakan satu perkara yang sangat bahaya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya sebutkan perkara ini, masa saya berumur 10 tahun, pada masa itu dalam zaman perang Jepun dan sebelum itu orang Jepun datang berniaga - ketika itu negara ini dipanggil Malaya - mereka datang berniaga kain dengan menjadi spy, pergi kampung-kampung dengan membawa 'camera', dengan izin. Mereka pergi kampung-kampung, mengambil gambar. Di mana-mana kampung yang mempunyai satu titi kayu pun dia tahu satu longkang, parit dia pun tahu. Jadi, Jepun sebagai spy masuk ke negara kita di zaman "Mat Saleh" dengan senang sahaja. Jadi, kita mesti sedar pada hari ini di negara kita pun ada spy. Boleh jadi, kebanyakan orang-orang Putih yang datang dengan ada membawa satu beg, ada membawa camera, kita mesti berhati-hati.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Tadi Ahli Yang Berhormat ada sebut "Mat Saleh". "Mat Saleh itu apa dia?

Tuan Lau Keng Siong: Orang Putih. Jadi, kita mesti

berjaga-jaga supaya jangan sampai pada satu hari macam di zaman Jepun. Jadi, ada satu masalah sekarang. Di negara kita kebanyakan penduduk yang telah duduk di sini sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Mereka sudah berpuluh-puluh tahun duduk di sini, sekarang masih belum dapat sijil kerakyatan. Perkara ini kenalah diberi timbang rasa oleh pihak Kerajaan juga. Oleh sebab, saya tahu kebanyakan orang asing yang datang ke negara kita ada diberikan kad pengenalan biru. Jadi, mereka kalau sudah duduk di negara kita dengan begitu lama, patutlah diberikan sijil kerakyatan. Oleh kerana mereka telah sanggup hendak hidup di negara kita sampai mati, saya minta Kerajaan timbangkan perkara ini.

Ada beberapa kes mengenai orang yang ada sijil Surat Beranak dan Kad Pengenalan merah, di mana Kad Pengenalannya kena rampas dan buat masa sekarang diberi pas lawatan. Saya fikir tindakan ini tidak patut. Kalau seorang telah dilahirkan di sini dan ada sijil Surat Beranak, sememangnya orang ini tidak boleh pergi ke mana-mana. Mengapa Kerajaan beri mereka pas lawatan? Jadi pas lawatan ini menunjukkan mereka sebagai orang asing - bukan orang Malaysia pada hal mereka ada Surat Beranak. Jadi saya minta Kerajaan timbangkan perkara ini .

Berkenaan perindustrian kecil, pada masa sekarang Kerajaan Barisan Nasional menggalakkan orang asing datang berniaga di negara kita dengan melonggarkan syarat-syarat. Akan tetapi, kalau kita warganegara Malaysia, orang ramai, hendak minta lesen untuk menjalankan perusahaan kecil, mereka akan menghadapi kesusahan terutama sekali dari Majlis Daerah dengan pelbagai syarat-syarat ini hendak ikut, syarat itu hendak ikut. Kalau syarat-syarat ini tidak boleh dilonggarkan, mereka tidak boleh berniaga. Sebab apa? Kalau kita boleh melonggarkan syarat-syarat untuk orang asing yang datang ke sini, patutlah syarat-syarat itu dilonggarkan juga bagi orang kita.

Kalau kita banding negara kita dengan Taiwan dahulu, beberapa tahun dahulu Taiwan memang susah dan sangat miskin, tetapi pada hari ini negara Taiwan sudah amat kaya oleh kerana perusahaan-perusahaan kecil mereka sangat maju. Di tiap-tiap rumah - saya dengar dan saya sendiri pun ada pergi tengok, ada perusahaan kecil-kecilan dengan melonggarkan syarat-syarat. Jadi kalau ada contoh yang baik, kita patutlah-patuh dan mengikut.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, Kerajaan telah beri

peluang untuk meningkatkan prestasi dan imej baik negara Malaysia supaya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dapat dijalankan dengan licin dan cekap. Kebanyakan Ketua-ketua Kerajaan asing sangat memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional kita. Perkara yang baik seperti ini akan dikekalkan. Tetapi tidak lama dahulu Tuan Yang di-Pertua, ada satu atau dua kejadian yang saya fikir sangat merosot, iaitu membongkarkan kertas soalan Bahasa Malaysia II bagi peperiksaan SPM. Bila perkara ini dilaporkan dalam suratkhobar, ada pemimpin Kerajaan kita yang terus menafikan kejadian ini, tetapi kemudian pihak Polis terus mengakui perkara ini telah berlaku. Saya harap pemimpin kita tidak akan membuat kenyataan tanpa siasatan. Saya minta Kerajaan mengambil berat perkara membongkar soalan-soalan peperiksaan dan mengambil tindakan yang sawajarnya supaya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dapat dihukum berat. Kalau boleh, mereka patut dibuang kerja, Tuan Yang di-Pertua, supaya nilai dan prestasi sijil daripada negeri ini dapat dikawal dan dihargai oleh seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pihak Jabatan Penjara mesti mengawal semua banduan dengan cara baik, patut dan tegas kerana peristiwa yang merosot itu telahpun berlaku dua kali dalam setahun di mana dengan cara senang banduan-banduan dapat melepaskan diri sendiri daripada penjara.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang sedang dibahaskan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang,

5.05 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan sedikit ruang untuk saya sama-sama membahaskan satu Akta bagi penggunaan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan rasa amat sedih di atas peristiwa yang berlaku di Sarawak pada tempoh minggu yang lalu. Maka saya minta rakamkan supaya peristiwa ini dikenang sebagai satu sejarah yang paling pahit kepada anggota Angkatan Tentera kita. Untuk itu saya minta kepada Dewan yang mulia ini supaya Tuan Yang di-Pertua membenarkan orang Islam membaca sekali Fatihah kepada roh-roh mereka itu.

[Dewan bertafakur dan membaca Al-Fatihah]

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Allah akan memasukkan semua roh-roh pejuang-pejuang negara kita ini ke dalam roh-roh syuhada yang mendapat pengampunan daripada Allah dan meletakkan satu tempat yang sesuai untuk mereka dalam syurga yang dipilih oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah saya kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin di atas pembentangan yang dibuat pada 18hb Disember 1989 yang lalu. Saya menarik perhatian di atas pembentangan itu bahawa Kerajaan dan rakyat sepatutnya melahirkan kesyukuran kehadiran Ilahi yang telah memberikan limpah nikmat kepada bumi Malaysia bagi kemudahan dan kebahagiaan rakyat. Nikmat yang diterima tidak akan kekal. Nikmat

ini bukan ciptaan manusia, malahan nikmat ini adalah pemberian Ilahi secara mutlak. Taburan nikmat ini akan ditarik balik atau dibinasakan apabila penghuni bumi itu telah lari dari keredaan Allah.

Menyedari keadaan ini, saya merasakan bahawa Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di atas kerja-kerja yang dibuat oleh para Menteri, kerja-kerja yang dibuat oleh kakitangan Kerajaan, mereka yang mempunyai tanggungjawab dan mereka yang sentiasa mengenali akan kebesaran Allah, mereka ini harus berfikir dan bertafakur bahawa nikmat yang diberikan oleh Allah ini boleh habis dengan sekelip mata.

Dengan sebab itu nikmat yang diberikan oleh Allah ini tidak akan dikekalkan manakala manusia tidak mensyukuri atas nikmat yang diterima. Saya mengemukakan hujan ini kerana kemewahan yang dilempahkan oleh Allah ke atas bumi Malaysia yang dapat dikecap dan dapat dinikmati oleh semua manusia yang bernyawa dalam bumi Malaysia ini mendapat kesenangan dan mendapat kemudahan dan dijamin keselamatan mereka sentiasa, maka saya rasa pembentangan belanjawan kita pada tahun ini yang menunjukkan bahawa prestasinya telah naik, bahawa ekonomi negara masih lagi menggalakkan dan diharap akan meninggi lagi sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Jadi, falsafah pembentangan belanjawan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan Itu membayangkan supaya rakyat negara ini mensyukuri di atas nikmat yang sedang dinikmati. Belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini menunjukkan Kerajaan berusaha dan bersedia menjalankan kehendak rakyat. Hanya setengah rakyat kurang mengerti tentang hakikat murni Kerajaan kita. Sepatutnya rakyat negara ini akan mendoakan Kerajaan yang ada dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pucuk pimpinan yang ada. Kita jangan mengharap hujan dilangit, air ditempayan dicurahkan. Yang dikejar tidak dapat, yang dikandung keciciran. Ruang-ruang bagi memperbaiki keadaan ini masih ada. Bagi mereka yang telah sesat jalan, baliklah ke pangkal jalan. Kalau ikutkan hati, mati. Kalau nafsu telah mengatasi akal, kehancuran menanti datang. Kalau

ikutkan nafsu, Iesu. Nafsu yang tidak dipandu oleh akal, kegagalan pasti sampai.

Belanjawan yang kemukakan untuk menampung kehendak rakyat, dibelanjakan mengikut peraturan dan setiap sen wang diperuntukkan di bawah Maksud-maksud yang telah ditentukan hendaklah digunakan secara jujur dan amanah. Setiap projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah diluluskan.

Saya bermaksud menekankan permasalahan ini kerana banyak pembuangan-pembuangan harta-harta Kerajaan, pembaziran-pembaziran yang tidak sepatutnya berlaku. Seumpama yang pernah kita dengar dan kita tahu bahawa \$30 juta wang yang diuntukkan kepada pemborong bagi memperbaiki jalan Lebuhraya Timur-Barat. Walaupun apa alasan yang diberikan oleh pihak Kementerian tetapi kita sudah menganggap satu kecuai telah berlaku. Dan banyak lagi contoh-contoh pembaziran, keindahan-keindahan Jabatan-jabatan Kerajaan yang tidak sepatutnya dilakukan. sedanakan perabut-perabut itu boleh digunakan lagi, diperganti dengan perabut yang lebih baik dan lebih moden bagi mencantikan kedudukan dan keadaan jabatan itu sedangkan benda-benda yang sedia ada, saya rasa masih boleh digunakan dan masih cantik dipandang dan masih baik untuk diduduki dan digunakan. Tetapi saya nampak, bertukar satu Ketua Jabatan, bertukar perabut dalam Jabatan. Ini harus diperkurangkan.

Kita menyokong, saya bersetuju kalau bilik-bilik pegawai-pegawai di jabatan itu diperbaiki dan dicantikan, kalau keadaan telah memaksa. Jadi, dengan sebab itu pembaziran ini berlaku. Bukan sahaja penggantian itu berlaku malahan penggunaan wang dan penyelewengan itu pun berlaku. Kadang-kadang dari satu perabut yang diperbuat sampai tiga golongan manusia mendapat keuntungan.

Ini dapat kita buat contoh sebagaimana yang berlaku kepada Dewan Merdeka kita. Ini tidak usah disebut benda ini tetapi berlaku. Jadi ini melakukan pembaziran dan pembocoran yang digunakan dengan tidak mempunyai perasaan amanah dan bertanggungjawab tentang duit rakyat yang digunakan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan yang dibentangkan itu ialah anggaran belanjawan yang sudah dikaji dan diteliti dengan cermat oleh semua Kementerian melalui perancangan-perancangan yang disusun-atur oleh pakar-pakar dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Maknanya apa sahaja, perangkaan yang dibuat ini adalah hasil daripada pengolahan, pemerahan otak siang dan malam, pagi dan petang. Hingga larut malam pegawai-pegawai yang berkerjaan membuatkan perangkaan-perangkaan dan perancangan-perancangan untuk satu-satu Kementerian dan satu-satu badan yang ditugaskan untuk mereka menentukan belanjawan tahun 1990.

Anggaran yang dibuat di atas dasar keperluan bagi setiap Kementerian berlandaskan kemampuan Kerajaan. Kita desak Kerajaan, kita minta itu dan minta ini dengan tidak memikirkan kemiskinan atau kesanggupan Kerajaan kita.

Saya bersimpati dengan Kerajaan di atas dasar-dasar peruntukan yang dibuat. Tetapi saya tidak simpati tentang penggunaan peruntukan itu manakala telah diberi. Maka itulah agihan-agihan yang tidak setimpal dengan apa yang sepatutnya diterima oleh rakyat mengikut keperluan-keperluan rakyat setempat.

Rakyat tahu bagaimana sukarnya Kerajaan untuk melaksanakan

rancangan pembangunan bagi memberikan kemudahan dan keperluan kepada Kerajaan. Rakyat tahu. Sebab itu pencukaian, pembayaran-pembayaran banyak dibuat oleh Kerajaan sehinggakan tempat letak kereta dan segala apa yang boleh jadi wang maka Kerajaan terpaksa membuat peraturan untuk mengutip, kerana Kerajaan tahu. Walaupun rakyat susah untuk memberikan wang-wang tersebut tetapi untuk pembangunan, maka Kerajaan terpaksa berbuat demikian.

kalau begitu susah cari wang, kita minta wang ini jangan dicurahkan begitu cepat, begitu mudah, begitu senang dengan tidak meneliti tentang keperluannya.

Rakyat faham hasrat Kerajaan kerana Kerajaan yang ada adalah Kerajaan yang mendapat mandat dari rakyat. Sebab itu Barisan Nasional boleh memerintah lagi. Insya Allah boleh lagi kekal memerintah kalau sekiranya mandat-mandat yang diberikan oleh rakyat. Jeritan-jeritan yang kita buat dalam Dewan yang mulia ini dapat pandangan dan pemerhatian dari pihak Kerajaan. Dan saya minta jangan ada pihak-pihak Kerajaan manakala buat jawapan-jawapan dalam Dewan yang mulia ini menunjukkan satu sikap yang agak tidak sesuai dengan keadaan dalam Dewan ini. Ini saya minta, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah suasana ini diberi dengan keadaan dada yang lapang, pemikiran yang luas, segala soalan-soalan tambahan yang dibuat kepada. Kementerian-kementerian yang berkenaan hendaklah diberi jawapan-jawapan yang lembut yang boleh menyejukkan perasaan dan hati.

Saya tidaklah mengatakan bahawa kawan-kawan, di Dewan Negara ini tidak ada yang pemanas tetapi jangan beri dia panas, Saya minta Kementerian-kementerian biarlah beri jawapan-jawapan yang baik.

Kalaulah Kementerian-kementerian itu tidak mempunyai polisi, cakap-**lah**. Kita orang boleh terima. Kalau misal kata yang menjawab soalan itu Setiausaha Parlimen, dia tidak boleh menentukan dasar. Lebih baik cakap pendek. "Insya Allah, saya bawa kepada Kementerian saya untuk ditimbang..." habis cerita. Jadi, beri kita peluang menjerit dekat sini sedangkan jawapannya tidak memuaskan. Jadi suasana Dewan ini tidak murni lagi sebagaimana yang diharapkan.

Saya minta sangat, begitu juga kawan-kawan yang ada di sini, kalau kita nampak dia sudah tidak terdaya, jangan soal lagi. Ini kita mintalah walaupun ada perasaan. Sebab itu saya banyak mendiamkan daripada saya membuat soalan tambahan. Kita banyak boleh buat tambahan, tetapi kita tahu yang dia tidak boleh jawab. Jadi saya minta suasana ini tolong ditenteramkan sedikit.

Begitu juga saya menyedari bahawa Kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat ini, rakyat memberikan kepercayaan dan keyakinan bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir ini, kita berani mengatakan bahawa inilah satu Kerajaan yang ada sekarang boleh menjamin keadaan yang ada.

Kita tidak bolehlah hendak puji sampai menjulang, kerana dia manusia biasa juga, kerana sudah banyak contoh, orang yang puji Dr. Mahathir terlampau tinggi, akhirnya sekarang dia mengkeji. Dia memuji ketika dia dapat, bila dia tidak dapat, dia akan mengkeji. Sikap ini bukan sikap orang yang mempunyai keimanan yang baik,

Kita boleh tegur pemimpin, kalau dia tidak mahu ikut teguran kita, kita cari jalan penyelesaian yang boleh kita buat. Kita ada masalah-masalah yang boleh kita selesaikan, ada masalah yang tidak boleh boleh selesai. Yang tidak boleh selesai, kena runding dengan baik. Jadi ini akan berlaku. Saya rasa, kalaulah pilihanraya ini berlaku, suasana keadaan tidak dapat ditenteramkan dengan baik, masing-masing membawa api, tidak ada yang membawa air, kita takut bahawa Kerajaan kita yang akan datang tidak begitu kuat, kerana kekuatan Kerajaan adalah bergantung kepada majoritinya. Kalau majoritinya sudah kurang, kita akan susah.

Dengan sebab itu segala pemasalahan ini hendaklah diperlahankan sedikit, baik di pihak Kerajaan mahupun di pihak yang di sebelah itu memanglah begitu keadaannya. Jadi buat apa kita ikut ragam budak-budak. Kalau dia orang tua sudah jadi budak, tidak payah layan lagi. Tetapi kalau budak sudah jadi orang tua, kita kena hormat fikirannya. Belanjawan yang kita bahaskan sekarang bukannya merupakan tenaga, malahan ianya merupakan wang. Belanjawan yang kita sebut-sebut sekarang ini ialah membahaskan tentang kewangan. Bila disebut wang bererti harta. Bila dikatakan harta bererti amanah. Paling susah dalam dunia ialah menjaga duit. Rasulullah

menggariskan dua perkara yang payah dijaga dalam dunia. Yang pertama, menjaga harta. Yang kedua, menjaga orang perempuan - dua perkara cukup susah hendak jaga.

Negara boleh hancur dengan dua perkara ini. Kalau manusia tidak pandai lagi jaga orang perempuan, tidak mahu menghormati orang perempuan, perempuan sudah jadi liar, negara akan jahanam. Ada orang kata perempuan yang jahat, bukan, semua jahat belaka. Ada orang kata wang ini berhantu. Mana ada hantu?

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit berkenaan apa yang saudara saya katakan tadi iaitu mengenai perempuan yang liar. Saya ingin tahu sama ada saudara kita ada menghormati kaum wanita dalam negeri ini. Dalam kaitan ini, adakah semua masalah negara ini berpunca daripada wanita?

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat itu mengikuti ucapan saya daripada awal. Harta yang dimaksudkan yang susah dikawal, ini saya kata dari segi orang Islam, Rasulullah menasihatkan kita bahawa dua perkara ini yang kita kena jaga. Satu menjaga orang perempuan dan satu lagi menjaga wang. Orang perempuan ini kalau tidak dijaga, dia rosak. Bila dia sudah rosak, dia sudah liar. Bila sudah liar dia akan merosakkan ramai lagi orang. Itu dia maksudnya. Saya minta Yang Berhormat itu dapat faham.

Keduanya wang. Orang kata wang ini berhantu. Tetapi saya tidak pernah tengok mana dia ada hantu. Yang jadi hantu orang yang punya duit. Bukan duit itu yang berhantu tetapi orang yang pegang duit itu jadi hantu. Tetapi falsafah kita mengatakan wang ini berhantu,

maknanya dia tidak tahu apa-apa. Memanglah kita belanja dia tidak menjerit pun. Dengan sebab **itu**, kalau sudah merupakan harta bererti hamba Allah s.w.t. ini boleh mengambil, boleh memiliki dan boleh menikmati kekayaan yang ada yang bersumberkan kepada kewangan ini. Sebab itu dikatakan, "Dunia ini adalah harta-benda, perhiasan". Wang ini semua orang suka, sebab itu kita membahaskan tentang kewangan **ini**, bukan kita membahaskan untuk dilancarkan sahaja tetapi pengawalan wang ini hendaklah dibuat secara rapi dan digunakah wang ini mengikut Kementerian-kementerian kepada perkara-perkara yang perlu, kepada jeritan-jeritan rakyat yang perlu dibela dengan sempurna dan cepat supaya pengaliran-pengaliran wang ini **tidak** payan menggunakan belanja yang banyak.

Sebagaimana seorang daripada rakan saya katakan tadi, kalau kita pergi ke jabatan, minta orang-orang jabatan ini layan orang kampung ini, tolonglah secepat mungkin yang boleh ditolong. ini maknanya kita menjimatkan perbelanjaan, kewangan yang dibelanjakan oleh orang-orang kampung tadi. Ini saya tidak hendak cakap banyak, tetapi banyak terjumpa. Saya mohon satu jalan untuk masuk ke dalam kebun sudah setahun setengah dan sampai hari ini fail pun diam. Kalau saya desak, dia kata, dia Yang Berhormat, bolehlah buat kita macam **itu**. Sebenarnya kita beri tali dengan **dia**, sampai hari ini saya tidak tanya pun. Saya hendak tengok berapa lama satu jalan laluan untuk membawa hasil yang boleh dilalui melalui tanah **itu**. Sampai hari ini tidak ada apa-apa pun. Saya terfikir, bukan saya katakan saya duduk dalam Dewan ini sebagai orang yang baik atau orang yang teristimewa, tidak. Tetapi saya berfikir, kalau kita

sudah boleh dibuat begitu, apa lagi kepada rakyat. yang tidak ada pengaruh pun, yang tidak ada apa-apa kepentingan pun.

Ini memang saya cakap, dahulu saya sudah cakap sekali, sekarang ini saya ulang balik. Keadaan-keadaan semacam ini tidak patut berlaku dan saya puji pegawai-pegawai Kerajaan kita yang cekap. Ada yang cekap, kita datang, dia tanya, apa hendak tolong? Saya boleh tolong. Kita kata, "boleh tidak tolong ini, dua hari lagi saya datang?" "Tidak payah tuan, sekarang saya buat, lima minit, tuan duduk sekejap, saya sudahkan". Ada yang jenis macam ini. Kita tidak boleh pukul semua. Tetapi ada lagi gejala-gejala yang tidak sehat ini patut diperbaiki, bukan suruh buang kerja, tidak. Kita patut perbaiki dan kita ingatkan dia.

Selain daripada itu, seperti yang saya katakan tadi, bila ini merupakan harta, maka sebab itu kita perlu mendapatkan harta-harta ini dan boleh menikmati kekayaan ini dan boleh dimanfaatkan kepada diri kita, keluarga kita dan manusia. Sebab itu Islam melahirkan konsep zakat. Zakat ini perlu dalam Islam, kerana duit ini banyak, pendapatan kita banyak maka Islam tidak mementingkan keadaan diri persendirian, malahan diletakkan satu hukum diturunkan oleh Allah - selapas menunaikan sembahyang, hendaklah keluarkan zakat. "Dirikan sembahyang dan keluarkan zakat". Orang kaya hendaklah keluarkan zakat.

Sebab itu saya mengalu-alukan Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri yang telahpun menyeminarkan tentang zakat ini supaya dapat disegerakan tindakannya. Ini saya cadangkanlah dan Belanjawan yang memberi jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan akan melaksanakan

dasar yang telah disusun atur mengikut keperluan dan Belanjawan itu terhad. Kita tahu memang terhad, kadang-kadang bila kita minta, tidak ada lagi peruntukan, peruntukan sudah habis, tunggulah tahun depan. Jadi kita hendakkan sebelum dia peri peruntukan itu, kena kaji dahulu apa keperluan-keperluan yang patut didahulukan. Tetapi berlaku juga. Kita ini orang politik, kita tahu, berlaku juga. Kata orang Negeri Sembilan, "Gajah, kalah pojok dik roseng, pojok tidak mahu, geseng". "Geseng" maknanya lebih perlahan lagi, lebih halus lagi, "ala tolonglah, ini saya punya kawasan, biarlah orang dahulu situ tak apalah biarlah dia." Inilah yang terjadi sebagaimana saudara saya tadi bercakap. Orang politik pun kadang-kadang tidak betul juga buat macam ini.

Jadi, ada Pegawai Kerajaan yang tegas, "Yang Berhormat, sorry," kata dia, "saya tidak boleh layan Yang Berhormat, kerana ini saya sudah beritahu orang kampung benda ini saya terpaksa buat," Saya puji Pegawai Kerajaan yang bentuk macam **ini**. Tidak apa, jangan kita batalkan. Lepas itu, dia jual pula balik, dia kata, "hari itu sudah ada peruntukan tetapi Yang Berhormat hendak buat kawasan dia, sudah batal tuan punya. Sudah, kita pun marah. Kita marah masuklah kurang 4 - 50, itu jadinya kerana tidak pandai jaga hati. Inilah jadinya.

Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ini diberi sedikit had sahaja, saya ingin menyentuh sedikit tentang Parlimen. Saya nampak Parlimen ini cantik. Saya ucapkan tahniah - cantik. Bawapun cantik, tengok atas pun cantik - bagus dan kita minta kecantikan ini sama-sama kita jaga. Dahulu kita bising tentang karpetnya tidak cantik, itu tidak cantik. Sekarang, Parlimen ini sudah cantik. Tugas orang yang masuk ke dalam Parlimen ini jaga kebersihan. Kita sama-sama jaga tetapi saya tengok tandas itu, bila masuk pukul 2.00 - cantik, bila masuk pukul 4.30, kita sendiripun keluar balik. Ini orang Parlimenkah yang salah atau orang yang menggunakan pun salah. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, jangan menjerit kata kotor, sedangkan kita buat kotor. Ini saya mintalah. Ini saya perhati sendiri.

Di samping itu, saya ingin menyuarakan kepada Kerajaan. Ini suara yang paling serius saya buat iaitu bahawa Yang di-Pertua Dewan Negara ini, saya rasa patut Kerajaan fikirkan balik supaya dilantik orang bebas, tidak terkongkong kepada Senator itu sendiri dilantik jadi Yang di-Pertua Dewan. Tidak semestinya dia pegang lesen Senator, baru lantik jadi Yang di-Pertua. Kita hendak, kalau Dewan

Rakyat itu boleh dilantik bukan daripada golongan Wakil Rakyat maka kita minta Dewan Senate pun macam itu. Ini minta tolong perhatian kalau ada munasabah dan tidak menjadi gangguan kepada negara, kita minta ini dipertimbangkan. Ini serius, kerana ada satu suara yang dibuat oleh Yang Amat Mulia Tengku Mahkota Pahang ketika membuka Persidangan Yang di-Pertua Dewan-Dewan Negeri bahawa menyuarakan supaya dikaji semua tentang kedudukan protokol Yang di-Pertua Dewan Negeri supaya dilantik orang yang bukan daripada ADUN untuk membolehkan protokolnya itu dikekalkan dan dihormati sentiasa. Tidak disanjung satu ketika dan dihina di satu ketika. Inipun kalau boleh Kerajaan-kerajaan Negeri ini dapat menimbangkan balik sebelum pilihanraya ini bolehlah dibuat supaya ini akan mencantikkan lagi kedudukan yang ada. Sebab, contoh yang ada sudah ada iaitu Dewan Rakyat dilantik Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu bukan daripada Wakil Rakyat.

Yang keduanya, saya hendak menyentuh tentang Menteri Kewangan. Banyak kawan-kawan datang ke sini cakap tentang Tabung Haji. Banyak masyarakat mendoakan bahawa Tabung Haji ini satu badan yang paling kaya dan paling top sekarang ini dari segi kedudukan pelaburan ekonomi orang Melayu yang beragama Islam. Saya ingin mengambil perhatian, kita kena kaji balik sebelum tabung haji ini ditubuhkan, badan ini adalah ditanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menguruskan jemaah-jemaah untuk pergi menunaikan fardu haji. Tetapi manakala Tabung Haji ini sudah berfungsi dengan baik, kedudukannya baik, duit memang banyak tetapi duit itu adalah duit pelaburan yang bukan daripada Jabatan Haji, bukan Tabung Haji. Itu adalah anak-anak syarikat dia. Jadi, sekarang Kerajaan telahpun mula mengurangkan peruntukan yang diberi kepada Tabung Haji untuk mengurus. Tahun ini sahaja, kita terpaksa mengurus lebih daripada \$12 juta.

Kerajaan hanya boleh sumbangkan \$7 juta.

Saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini demi kepentingan umat Islam yang berdasarkan kepada Islam sebagai agama rasmi bahawa jemaah-jemaah haji kita ini adalah sama-sama ditanggung oleh Kerajaan maka peruntukan yang diuntukkan kepada Tabung Haji seperti sediakala yang diberi itu dapat dikekalkan semula. Janganlah dibuat sebagaimana yang ada sekarang, makin lama makin turun dan saya diberi kefahaman bahawa penurunan ini akan hapus sehingga Tabung Haji ini akan berdikari dengan sendiri,

Saya rasa untuk mencantikkan dan memperbaiki keadaan yang ada dan memberikan perangsang kepada umat Islam di tanah air kita bahawa kita kata Kerajaan sentiasa mengekalkan peruntukan yang diberi untuk mengurus di Tabung Haji ini di atas kejayaan Kerajaan sama macam yang dibuat pada MARA dan ada dua tiga badan yang tidak payah saya sebut. Jadi, ini saya minta pertimbangkan. Saya bercakap ini kerana saya terlibat dalam Lembaga Pengarah Tabung Haji, maka saya pandang benda ini penting. Jadi, dengan sebab itu, kalau boleh ditimbang balik, ditengok balik, tolong tengoklah sedikit.

Yang keempatnya, saya menarik perhatian kepada Kementerian Luar Negeri sebagai orang yang terlibat dalam peristiwa di Manila tempoh hari, saya merakamkan banyak ribuan terima kasih kepada Kedutaan kita di bawah pimpinan Dato' Imam dengan pegawai-pegawainya yang telah dapat menyelamatkan kami daripada keadaan yang cukup mencemaskan. Ini saya minta rakamkan untuk Dewan ini dan segala urusan-urusan telahpun dapat diselesaikan sehingga beg-begi barang-barang yang cicir hinggak berus gigi yang cicir dalam bilik hotel itupun dimasukkan dalam beg kita dan telahpun diterima oleh kawan-kawan pada petang semalam. Jadi, ini saya minta rakamkan, kalau beginilah keadaan Ambassadors - Duta-duta kita di luar negeri, maka tidak

bolehlah kita hendak kata dia tidak bertanggungjawab di luar negeri. Jadi, dengan sebab itu, saya minta rakamkan perkara ini.

Akhir sekali, saya sentuh tentang Kementerian Kesihatan. Menteri Kesihatan **ini**, saya minta, dahulupun saya sudah cakap iaitu di Negeri Sembilan ini ada satu daerah, yang paling malang sekali iaitu Hospital Daerah Tampin yang mempunyai penduduk yang cukup ramai yang dikelilingi oleh FELDA dan orang ramai dengan kawasannya seluas ada 50 ekar dan sekarang ini sedang dipagar tetapi pokoknya tidak ditebang. Apa fungsipun, saya tidak tahu. Patut dibersihkan, baru pagar. Ini tidak pagar pula. Hutan itu dipagar. Entah apa masalah pun saya tidak tahu. Lepas itu, saya diberitahu bahawa hospital ini tidak dapat dibangunkan dalam tempoh sekarang, kerana tidak ada peruntukan.

Jadi, saya seru supaya ini dapat ditelitikan balik bahawa kepentingan-kepentingan rakyat yang ada di Tampin ini terlalu ramai dan pembilangan-pembilangan penduduknya bertambah dari satu masa ke satu masa, Saya minta Menteri Kesihatan buat kajian semula supaya diutamakan Hospital Daerah Tampin ini supaya ada kepakaran. Sehingga hari **ini**, kalau ada orang mengandung, dia tidak sanggup hantar ke Tampin, dia sanggup hantar ke Kuala Pilah, sebab di Kuala Pilah ada kepakaran bersalin dan tidak payah hantar ke Seremban tetapi di Tampin, lima minit letak, dihantar ke Seremban. Jadi, kes-kes yang mencemaskan ini menyusahkan dan kadang-Kadang menerima kemalangan di tengah jalan. Jadi, ini saya minta supaya mendapat perhatian,

Selain daripada **itu**, saya nampak saudara-saudara kita telah banyak menyentuh sistem Kementerian Pendidikan. Ini saya minta dapat menegaskan tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan ini dan sebagaimana yang telah saya suarakan dalam ucapan saya dua tiga hari

yang lalu bahawa saya minta sangatlah supaya mengimbangkan betul-betul Bahasa Kebangsaan ini dapat digunakan oleh semua pihak dan tulisan jawi ini hendaklah bersungguh-sungguh supaya dihidupkan.

Kita bimbang Quran yang dimiliki oleh umat Islam di tanah air kita ini tidak boleh dapat baca kerana tidak ada kemahiran tentang tulisan Jawi. Tulisan Jawi **ini**, saya minta saudara-saudara kita yang lain jangan tersentuh bila saya sebut, kerana ini hendak mempertahankan tentang kesucian Al-Quran. Kerana Al-Quran ini tidak boleh tulis Rumi. Tulisan Rumi dia lain sebutan dan bunyi. Sebab itu kalau kita baca Surah Yassin, tulisan Rumi, terjemahan dibunyikan dengan Rumi tidak kena. Kadang-kadang 'syim' itu disebut 'sim'. Jadi banyak. Bila tukar huruf, tukar makna, lain perginya, Jadi, untuk **itu**, untuk menyelamatkan umat Islam yang ada dalam tanah air kita, tulisan Jawi ini hendaklah diperkuatkan. Ini satu dosa kepada kita yang akan disoal oleh Allah kerana tidak mempertahankan kesucian **ini**. Mudah-mudahan dengan harapan **ini**, saya rasa insya Allah negara ini akan dapat diselamatkan tidak sepertimana negeri Panama yang kita sama-sama ikut semalam tentang keganasan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Ini kerja-kerja manusia tetapi ini mungkin arahan dari Allah.

Segala malapetaka ini kalau Tuhan tidak izin, dia tidak berlaku, bukanlah hendak kata Amerika itu macamana keanasannya menimpa kepada negeri Panama, rakyatnya beratus-ratus mati, bergelimpangan, tidak ada lagi pertimbangan manusia. Maka ini kemungkinan, kerana jiwa dia kosong dari segi mentauhidkan ataupun mengenal kekuasaan Allah, sebab itu negara Malaysia ini masih lagi berfungsi, masih lagi suci dan masih lagi murni dan masing-masing masih percaya tentang kebesaran dan keagungan Allah. Kita belalah benda-benda ini mudah-mudahan dia boleh menyelamatkan keturunan kita bukan 100 tahun hingga beberapa tahun yang kita tidak ketahui,

Jadi dengan **itu**, saya menyokong Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Sekian, Wabillahitaufek walhidayah. Assalamualaikum.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Dr Tan Chong Keng.

5.42 ptg.

Dr Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1990.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana dapat membina satu perbelanjaan wang yang agak memuaskan untuk tahun depan.

Dalam berkaitan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kini kita sudah melihat pembangunan yang hebat didapati dalam negara kita **ini**, akibat kestabilan politik dan keharmonian perpaduan berbilang kaum, rakyat jelata negara kita. Untuk memastikan keadaan ini terus diadakan dalam negara kita **ini**, parti-parti komponen Barisan Nasional mesti membuat sebarang yang dapat untuk memastikan kestabilan politik yang ada sekarang.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang dapat menarik pelabur-pelabur asing yang melaburkan duit-duit mereka di dalam perniagaan dan perusahaan dalam negara kita ini. Tetapi di samping itu saya ingin menyeru kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya memberikan sedikit perhatian kepada peniaga-peniaga, pengilang-pengilang dan perusahaan-perusahaan yang lain yang menggunakan wang tempatan iaitu pelabur-pelabur tempatan.

Saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberikan kemudahan-kemudahan dan sebagainya seperti yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Jangan yang jauh dikasihi, yang dekat itu dijauhi.

Saya berharap pelabur-pelabur tempatan juga boleh mendapat layanan yang seperti pelabur-pelabur asing dapat, terutama sekali dalam proses permohonan permit, proses permohonan AP dan sebagainya. Saya harap mereka juga boleh memberikan pertimbangan yang seimbang.

Berkaitan dengan Kementerian Pertanian, saya berharap Kementerian ini dapat memberikan keputusan penyelidikan mereka terhadap jenis-jenis buah-buahan yang bermutu, yang boleh ditanam di negara kita **ini**. Jenis-jenis buah-buahan yang bermutu ini dapat dieksportkan kepada negara-negara asing seperti Jepun, Taiwan, Singapura, Australia dan sebagainya untuk mendapat keuntungan, untuk

negara kita ini.

Saya yakin dengan cara tanaman, cara membaja yang moden dan dengan penggunaan tanah yang sesuai, negara kita dapat mengeluarkan lagi hasil-hasil tanaman, buah-buahan yang boleh membawa untung yang besar.

Pada masa ini saya rasa Kementerian Pertanian perlu membuat penyelarasan dengan Pejabat-pejabat Tanah tiap-tiap negeri, supaya tanah-tanah untuk tujuan pertanian itu diselia dengan baik, kerana ada di negeri-negeri di mana tanah-tanah pertanian seringkali ditukar ubahsyarat penggunaannya untuk menjadi tanah-tanah tapak perumahan tapak perkilangan dan sebagainya.

Saya rasa Kerajaan mesti mengambil langkah untuk menjaga perubahan syarat-syarat penggunaan tanah ini supaya menjaga, kita ada tanah pertanian yang cukup dalam tiap-tiap negeri untuk mengeluarkan hasil-hasil tanaman. Dan pada masa sekarang di beberapa negeri kita dapati ada masalah banjir di musim hujan, dan juga saya rasa masalah banjir itu hanya dapat diatasi dengan kerjasama Jabatan Perairan dan Saliran dan juga Jabatan Tanah dan sebagainya. Apabila JPS atau Jabatan Perairan dan Saliran itu menjaga parit-parit dan longkang, Jabatan itu biasanya tidak jaga Bahagian Parit yang melalui taman-taman perumahan dengan alasan bahawa itu adalah tanggungjawab Majlis-majlis Perbandaran ataupun Jabatan Kerjaraya. Dan oleh kerana itu masalah banjir itu tidak boleh diatasi dengan keseluruhannya. Ada kawasan-kawasan yang tidak dijaga langsung untuk menghasilkan bahagian-bahagian parit yang tersumbat, sungai yang tersumbat dan sebagainya. Untuk mengatasi masalah seperti ini, eloklah JPS bekerjasama dengan JKR dan juga

bekerjasama dengan Majlis-majlis Perbandaran untuk menyelesaikan masalah seperti itu.

Saya ingin memberikan satu dua contoh di sini, di kawasan Bumbang Lima Seberang Perai Utara, di kawasan Desa Permai Seberang Perai Tengah, Kedua-dua kawasan itu selalu dilanda dengan masalah banjir dekat-dekat sekali setahun, macam satu festival, dengan izin. Oleh kerana itu saya berharaplah Kementerian Pertanian dengan kerjasama JPS, JKR dan Majlis Perbandaran dapat membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah itu. Contohnya, Sungai Juru dan parit-parit yang berdekatan itu perlu didalman dan kalau boleh kawaaan-kawasan parit yang tersumbat itu perlu dibersihkan.

Berkaitan dengan Kementerian Kesihatan yang dapat juga peruntukan yang banyak di bawah Perbelanjaan 1990 dalam negara kita ini hanya Hospital-hospital Besar sahaja yang menunjukkan perkhidmatan yang agak mencukupi untuk pesakit-pesakit dan saya ingin merujuk kepada satu Bahagian Perkhidmatan iaitu perkhidmatan mesin-mesin pendialisis.

Tadi kita sudah dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, berkenaan dengan puaat-pusat pendialisis yang ada di negara kita ini, hanya didapati di dalam Hospital Besar-Hospital Besar sahaja dan tidak sekalipun di Hospital Daerah di mana-mana.

Tetapi oleh kerana jarak perjalanan dan sebagainya, ramai pesakit-pesakit buah pinggang itu perlu rawatan dengan mesin pendialisis tetapi tidak dapat pergi ke Hospital-hospital Besar dalam tiap-tiap negeri dan dengan itu mereka itu susah mendapati rawatan dengan senang. Kalau Kerajaan Kita boleh memberi peruntukan supaya mesin-raesin pendialisis itu boleh diberikan kepada beberapa Hospital Daerah yang penting, saya rasa masalah ini boleh diatasi separuhnya;

Contohnya, dalam negeri Pulau Pinang, hanya Hospital besar di Pulau Pinang dapat kemudahan beberapa mesin pendialisis tetapi untuk pesakit-pesakit buah pinggang di Seberang Prai, langsung tidak ada kemudahan tersebut. Adakah kemungkinannya Kementerian Kesihatan memberikan beberapa buah mesin pendialisis kepada katakan Hospital Daerah Bukit Mertajam yang terletak di tengah-tengah Seberang Prai uncut kemudahan orang ramai terutama sekali pesakit-pesakit buah pinggang di Seberang Prai untuk mendapatkan rawatan dialisis dengan lebih senang.

Satu cadangan lagi, dalam kawasan Seberang Prai, oleh kerana pesakit-pesakit semakin bertambah, Hospital-hospital Daerah seperti di Bukit Mertajam, di Bagan dan di Nibong Tebal biasanya bertindak seolah-olah macam sebuah Hospital Besar walaupun namanya bukan sebuah Hospital Besar kerana bilangan pesakit yang sudah bertambah. Kegunaan kakitangan, kemudahan hospital-hospital tersebut sudahpun sampai satu tahap yang maksimum. Saya berharap Kementerian

Kesihatan boleh menaikkan taraf Hospital Daerah Bukit Mertajam itu dari segi kemudahan, dari segi kakitangan supaya ia boleh menjadi sebuah Hospital Besar untuk Seberang Prai. Jikalau langkah ini dianggap tidak sesuai oleh Kementerian, maka saya ingin bertanya, ada satu tapak yang disediakan di Seberang Jaya iaitu satu tempat di Seberang Prai Tengah untuk sebuah Hospital Besar yang disediakan oleh PDC tetapi sampai hari ini Kementerian Kesihatan belum lagi mengumumkan rancangannya untuk membina sebuah Hospital Besar di tapak yang sudah tersedia itu.

Jika boleh, Kementerian bolehlah timbangkan rayuan saya dalam dua segi itu, iaitu:-

- menaikkan taraf Hospital Daerah Bukit Mertajam;
- binakan sebuah Hospital Besar di Seberang Jaya.

Itu adalah permintaan saya kepada Kementerian Kesihatan.

Berkaitan dengan bekalan elektrik, itu adalah masalah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Bekalan elektrik sudah menjadi satu masalah yang biasanya dihadapi oleh isirumah-isirumah kawasan desa. Walaupun jawapan daripada Kementerian tersebut dalam Dewan yang mulia ini mengatakan hampir semua isirumah dalam negeri Pulau Pinang sudah mendapat bekalan elektrik, namun begitu masih ada masalah-masalah yang berkaitan dengan bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan desa.

Contohnya, kadang-kadang satu projek yang sudah diluluskan oleh Lembaga Letrik Negara, sudah diluluskan lebih daripada 1 tahun masih belum dilaksanakan. Contohnya, orang-orang kampung frustrate di Bukit Mertajam menghadapi masalah bekalan elektrik tidak cukup voltannya, sudah memohon kepada Lembaga Letrik Negara sampai satu projek, substesen elektrik bernilai \$60,000 diluluskan oleh LLN

awal-awal tahun ini tetapi sampai hari ini kita masih menunggu-nunggu lagi tindakan yang konkrit daripada LLN untuk menyediakan substesen **itu**. Orang ramai sudah menunggu, kita pun sudah menunggu tetapi tindakan belum diadakan. Saya harap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos boleh mengambil langkah yang sesuai untuk mempercepatkan semua projek pembangunan seperti yang saya berikan sebagai satu contoh.

Masalah yang kedua yang berkaitan dengan Kementerian ini adalah berkenaan dengan bekalan elektrik kepada kawasan desa di mana tuan-punya tanah itu tidak ingin memberi keizinan bertulis kepada Jabatan itu untuk membenarkan kerja memasang tiang, kabel dan bekalan elektrik itu dijalankan oleh Lembaga Letrik Negara. Bolehkah Kementerian berkenaan itu mempertimbangkan rayuan orang ramai yang banyak itu supaya ada sesuatu peraturan boleh dibuat supaya tanpa keizinan bertulis daripada tuan-punya tanah yang berkenaan, bekalan elektrik boleh dimasukkan ke dalam rumah-rumah orang ramai itu yang sudahpun menunggu bekalan elektrik, sampai hari ini ada yang menunggu selama 5-6 tahun masih tidak dapat keizinan daripada tuan-punya tanah itu. Adakah Kementerian itu mempunyai sesuatu peraturan untuk mengatasi masalah seperti ini..

Berkaitan dengan Kementerian, Kerjaraya, saya rasa masalah yang saya ingin sentuh adalah masalah kesesakan lalulintas di dalam kebanyakan bandar-bandar besar oleh kerana jalan-jalan raya itu sudahpun menjadi jalan kecil berbanding dengan bilangan kenderaan yang dipakai hari ini. Bilangan kenderaan sudah makin bertambah tetapi jalan itu masih lebar seperti 20 tahun dahulu, macam mana kita tidak dapat kesesakan jalan?

Oleh kerana itu, saya berharap Jabatan Kerjaraya boleh mempercepat kerja-kerja melebarkan jalan-jalan raya di dalam bandar-bandar ataupun menukar sistem lalulintas dalam bandar-bandar, secara lampu-lampu isyarat lalulintas ataupun tukar arah ataupun kita boleh membina jalan-jalan yang dapat memecahkan volume, dengan izin, kenderaan itu ke dalam beberapa saluran. Yang tidak semestinya melalui bandar itu jangan benarkan mereka lalu di bandar itu. Kalau kita ingin keadaan ini berlaku, tentulah kita perlu membina jalan alternatif, jalan yang tidak mengambil kenderaan itu melalui bandar.

Contohnya, dalam bandar saya iaitu Bukit Mertajam, Jalan Kulim itu adalah satu jalan yang agak sempit, boleh dipanggil "bottle neck", dengan izin. Dengan "bottle neck" itu banyak kenderaan itu akan tersumbat di kawasan yang sempit terutama sekali pada musim-nusim hari perayaan, pada masa cuti sekolah, pada masa sekolah tamat, semua kenderaan akan jalan pada kelajuan 5 kilometer sejam.

Oleh kerana itu kita berharaplah JKR boleh mengambil inisiatif untuk melebarkan Jalan Kulim itu yang sudah menjadi satu masalah yang besar kepada lalulintas di bandar Bukit Mertajam. Pada masa yang sama, saya berharap jugalah satu jalan saluran trafik yang menjadi saluran alternatif boleh dibina daripada Jalan Berapit terus sambung kepada Jalan Kulim di sebelah bandar yang bertentangan. Dengan cara-cara itu, saya rasa masalah lalulintas di Bukit Mertajam boleh diatasi sekurang-kurangnya separuh.

Jadi, itu adalah hujah-hujah saya tentang masalah lalulintas yang dihadapi oleh orang ramai di bahagian Bukit Mertajam iaitu di Seberang Prai Tengah.

Saya rasa ucapan saya ini tidak akan menjadi lengkap kalau saya tidak sentuh bahagian Kementerian Pendidikan yang biasanya banyak masalah timbul. Pendidikan itu biasanya dibuat melalui sekolah-sekolah dan sekolah-sekolah itu mesti dibina dengan menggunakan peruntukan wang Kerajaan ataupun wanir derma orang ramai dan sebagainya. Dalam bandar saya iaitu di Bukit Mertajam, ada lagi sebuah sekolah Menengah Jenis Kebangsaan China Jit Sin yang menghadapi kesulitan ini. Tapak sekolah asal itu adalah dikongsi dengan sekolah menengah persendirian. Jumlah bilangan pelajar daripada kedua-dua buah sekolah itu sudahpun melebihi 5,000 sedangkan luas tapak sekolah asal itu tidak lebih daripada 5 ekar. Oleh kerana ketumpatan pelajar yang terlalu tinggi ini, Lembaga Pembinaan Sekolah tersebut sudah, memohon lebih daripada 12 tahun dahulu untuk memindahkan sekolah itu kepada satu tapak sekolah yang baru iaitu di kawasan Desa Damai, dekat Bukit Mertajam juga. Walaupun, permohonan ini sudah dijalankan lebih daripada 12 tahun, walaupun itu sudah dibuat permohonan itu belum diluluskan lagi oleh Jabatan Tanah Negeri Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai. Saya berharap Kementerian Pendidikan melalui Menterinya Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim boleh memberikan kedua-dua Jabatan itu satu ultimatum supaya menyelesaikan masalah tanah itu.

Mengikut apa yang kita tahu setakat ini masalah ini sudah menjadi satu masalah. Harga tanah di Desa Damai itu Jabatan Tanah Negeri Pulau Pinang berminat menjual tanah itu dengan satu harga yang agak tinggi kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina itu harganya lebih daripada \$871,000. Memandangkan sekolah itu masih memerlukan satu amaun duit yang besar untuk membina bangunan-

bangunan baru, saya berharap Jabatan Tanah Negeri Pulau Pinang boleh mempertimbangkan rayuan orang ramai supaya tanah itu boleh dijual kepada Sekolah Menengah Jit Sit dengan satu harga \$1.00 jumlahnya sebagai satu token. Pada masa yang sama, saya berharaplah Kementerian Pendidikan boleh memberikan peruntukan yang agak besar amaunnya untuk menolong Sekolah itu membina bangunan baru. Kementerian Pendidikan sudahpun mengumumkan bahawa ia berminat menambah bilangan guru-guru dalam tingkatan-tingkatan atas Sekolah Menengah. Saya ingin tahu sampai sekarang adakah rancangan ini dilaksanakan atau tidak.

Berkaitan dengan masalah ramai siswazah yang sudah dapat ijazah mereka sedang menganggur, saya ingin tahu sama ada Kerajaan kita ini ada bekerjasama dengan lain-lain negara yang sedang membangun supaya guru-guru yang tidak dapat kerja dalam negara kita ini dapat diberi peluang secara guru kontrak yang bertugas di negara-negara membangun yang berhampiran dengan Malaysia seperti Indonesia, Filipina, Papua New Guinea, Mauritius, Madagascar dan sebagainya. Adakah kemungkinan ini dilaksanakan untuk menolong belia negara kita ini mendapatkan kerjaya dan juga untuk merapatkan lagi perhubungan negara kita ini dengan jiran-jiran di rantau ini.

Berkaitan dengan apa yang dikatakan dalam akhbar oleh pemimpin-pemimpin politik kita berkenaan dengan masalah bahasa, saya rasa keliru oleh kerana ada 2, 3 orang pemimpin yang memberikan hujjah yang menunjukkan haluan yang berlainan. Contohnya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Ghafar Baba menggalakkan orang ramai belajar bahasa Jepun dan beliau berharap bahasa Jepun itu akan menjadi bahasa ketiga dalam negara kita. Apabila Menteri

Pendidikan Tuan Anwar Ibrahim dilantik menjadi Pengerusi UNESCO baru-baru **ini**, beliau juga membuat satu pengumuman mengatakan orang negara Malaysia ini perlulah belajar sedikit bahasa Peranchis. Saya ingin tanya, kalau bahasa Jepun itu dikatakan bahasa ketiga untuk negara kita ini, dimanakah kita ingin letakkan bahasa Tionghua dan bahasa Tamil yang digunakan oleh sebilangan besar rakyat jelata di negara kita? Di manakah kedudukan kedua-dua bahasa ini?

Saya tidak menafikan bahawa menggalakkan orang ramai di negara kita ini mempelajari lebih dari satu bahasa itu adalah satu kelebihan, kalau kita dapat belajar 5 bahasa, itu memang elok, tetapi yang pentingnya ialah yang manakah mesti dipentingkan, adakah bahasa-bahasa asing itu lebih penting daripada bahasa-bahasa ibunda rakyat jelata kita seridiri? Saya rasa kita tidak boleh bersetuju dengan hujah bahawa bahasa Jepun itu mesti diletakkan sebagai bahasa ketiga dalam negara kita ini. Saya ingin menyarankan bahawa untuk memupuk persefahaman dan perpaduan dalam negara ini, semua kaum mesti belajar bahasa kebangsaan sebagai satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Semua kaum mesti belajar Bahasa Kebangsaan, tetapi di samping itu semua kaum pun mesti menunjukkan kejujuran mencuba mempelajari bahasa-bahasa rakyat yang lain dalam negara **ini**. Selepas itu mereka mestilah belajar bahasa-bahasa antarabangsa, seperti bahasa Inggeris, bahasa Peranchis, bahasa Jepun dan lain-lain. itu adalah kedudukan relatif dari segi kepentingan bahasa-bahasa dalam negara kita yang berbilang kaum **ini**.

Saya berharap Senator-senator lain boleh bersetuju dengan hujah-hujah saya ini dan saya harap, terutama sekali Senator-senator daripada MIC pun boleh sokong apa yang saya sarankan tadi.

Dengan hujah itu, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan sokongan yang sepenuhnya untuk Rang Undang-undang yang dinamakan sacu Akta Perbekalan 1990.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan Senator Baru kita, Tuan Chong Chi Siong.

6.09ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan cadangan satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang mulia ini suka mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan begitu bergiat, berusaha untuk memulih prestasi ekonomi negara sejak tahun 1985 yang berhadapan dengan kemerosotan ekonomi yang menjejaskan hasil serta mengakibatkan pertumbuhan negatif pada tahun 1985.

Dengan adanya kebijaksanaan dan penuh pengalaman dalam bidang perniagaan, Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri kewangan Malaysia telah jelas menunjukkan kemampuan dan kebolehannya untuk meneliti dan menyediakan Laporan Belanjawan 1990 yang merupakan satu Belanjawan yang memberi faedah kepada semua rakyat dari lapisan masyarakat. Rakyat keseluruhannya berasa gembira dan di antaranya memuji Belanjawan ini adalah Belanjawan 'jujur', Belanjawan 'istimewa', Belanjawan 'saksama', Belanjawan tanpa sakit dan sebagainya malahan pula parti Pembangkang membuat kritik remeh temeh sahaja. Saya berharap rakyat keseluruhannya akan memegang teguh peluang ini bersama-sama mengambil sikap berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' untuk menuju kesatu tahap kemuncak memperkukuh dan menstabilkan kedudukan prestasi ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh Belanjawan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang mulia ini suka membawa hujah-hujah yang berikut di dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum saya lanjutkan hujah-hujah saya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim menuntut peruntukan yang paling banyak dan beri tahniah juga kepada Yang

Berhormat telah dilantik sebagai Presiden UNESCO yang merupakan sudah jadi pemimpin antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya suka menyentuh hal pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan atas tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan kebocoran Kertas Soalan SPM matapelajaran Bahasa Malaysia. Dan seterusnya saya suka menyentuh dalam hujah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Nampaknya kebanyakan bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah usang. Mereka telah memohon bantuan untuk membina semula tetapi tidak mendapat sebarang jawapan daripada Menteri Pendidikan seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuak Ming, Nilai, Negeri Sembilan yang dibina pada tahun 40an, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Lahang, Negeri Sembilan yang dibina pada tahun yang sama juga masih tidak mendapat kelulusan membina semula dari pihak yang tertentu. Saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sebelum tragedi keruntuhan bangunan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pendidikan 21(1), Kerajaan harua membantu dalam pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam kawasan-kawasan yang sesuai, Contohnya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chee Wah, Seremban. Memandangkan pertambahan pesat murid-murid dan kekurangan bangunan bilik darjah serta alam persekitaran yang begitu buruk seperti banjir, tiada padang, bersebelah dengan stesyen minyak dan sebagainya. Saya berharap Kerajaan dapat memberi perhatian di samping mengenalpastikan tapak batu untuk pemindahan sekolah-sekolah yang mendapat masalah

seperti di atas demi kepentingan dan kesihatan generasi baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan Sekolah Menengah. Pengagihan guru-guru ke Sekolah Menengah haruslah mengikut kehendak sekolah masing-masing demi mengelakkan ketidakseimbangan guru-guru matapelajaran di sekolah luar bandar dan bandar. Sekolah-sekolah Menengah yang mempunyai pelajar yang ramai seperti Sekolah Menengah Chan Hwa, Jalan Temiang, Seremban yang mempunyai pelajar lebih daripada 2,000 orang haruslah dipecahkan kepada dua atau lebih cawangan supaya pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Saya berharap pihak-pihak tertentu dapae mengambil tindakan segera terhadap perkembangan Sekolah-sekolah Menengah **ini**. Selain daripada **itu**, Sekolah Menengah yang mempunyai lebih 15 pelajar yang ingin mengikuti matapelajaran bahasa Cina maka Guru Besar dan Kementerian Pendidikan harus menyediakan tempat dan guru untuk matapelajaran itu sejurus dengan matapelajaran **lain**.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh Sekolah Menengah swasta Cina juga. Sekolah Menengah swasta Cina harus diberi kemudahan-kemudahan untuk perkembangan dari segi bangunan dan cawangan sekolah. Contohnya Sekolah Menengah Sek Wah di Segamat, Johor, Yok Wah, di Kajang, Selangor. Selain daripada itu sekolah-sekolah swasta ini harus diberi perhatian dalam permohonan untuk mendirikan cawangan di tempat-tempat **lain** seperti Sekolah Menengah Phoon Yew, di Johor Bharu yang mempunyai ramai pelajar-pelajar dari Kulai maka adalah sesuai cawangannya di Kulai itu diluluskan.

Walaupun sekolah swasta tidak terkongkong dalam Akta Pendidikan, namun sekolah-sekolah ini telah membantu dalam latihan dan peluang melanjutkan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk ke institusi-institusi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan ini juga saya menyentuh sedikit berkenaan dengan agama. Di bawah Enakmen Agama Fasal 64 menyatakan kebebasan dalam menganuti agama selain daripada Agama Rasmi iaitu Agama Islam, dia mesti menghormati antara satu sama lain dalam hal yang berkaitan dengan kepercayaan dan agama seperti mana penghormatan kepada Agama Islam yang telah diberi oleh penduduk bukan Islam. Pindaan Enakmen yang menyentuh soal kanak-kanak yang baligh berhak menentukan pilihan agama masing-masing dan bukan ditentukan oleh ibu-bapa mereka jika mereka berusia kurang daripada 18 tahun adalah menentang kebebasan agama yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan. Kami berharap Kerajaan Selangor akan dapat menyelesaikan isu agama ini dengan sempurna melalui semangat Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkembangan agama seperti mana diketahui bahawa Agama Rasmi telah diberi peruntukan maka kami berharap pihak Kerajaan akan memberi bantuan atau derma bakti

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli Yang Berhormat, dijemput duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya membuat sedikit pengumuman iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan Dewan.

[Dato' Tan Peng Khoon **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli Yang Berhormat, sambung semula.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi izin kepada saya menyambung ucapan saya.

Sepertimana diketahui bahawa agama rasmi telah diberi peruntukan, maka kami berharap pihak Kerajaan akan dapat memberi bantuan atau derma bakti kepada pembangunan agama-agama lain. Ini termasuk dari segi peruntukan tanah dan bangunan. Pada masa kini generasi Malaysia telah dididik dengan Bahasa Malaysia, maka kami berharap Kerajaan akan melonggarkan syarat-syarat import bahan-bahan bacaan agama seperti buku bible dari Indonesia dan Taiwan. Permohonan ini berasaskan buku-buku agama yang mempunyai nilai-nilai moral. Ini membolehkan Kerajaan dapat mengenalpastikan propaganda-propaganda yang menentang pengajaran-pengajaran yang sebenar. Pendidikan moral amatlah penting, lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Kempen Kualiti dalam Etika Kerja dengan rancangan yang tersusun. Kerajaan dapat mengawal pertumbuhan tempat-tempat ibadat ditepi jalan atau di bawah pokok-pokok serta mengawal pengajaran yang ekstrimis atau melampau.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga membangkitkan masalah-masalah kampung-kampung baru. Di dalam Belanjawan 1990 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$5 juta untuk pembangunan kampung-kampung baru. Jumlah ini boleh dikatakan sedikit berbanding bilangan kampung baru yang sedia ada, iaitu 452 buah. Namun begitu, saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana inilah kali pertama peruntukan sedemikian rupa disediakan. Adalah diharapkan di

masa akan datang jumlah ini akan ditambah oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini saya ingin menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan khas untuk pembangunan kampung-kampung baru seperti di Negeri Sembilan di mana \$200,000 disediakan setiap tahun untuk kampung-kampung baru. Kita sedia maklum kampung-kampung baru yang terletak dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan membayar cukai pintu setiap tahun, akan tetapi perkhidmatan yang diterima dari pihak berkuasa tempatan hanyalah pungutan sampah. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penduduk kampung-kampung baru yang melihat kawasan-kawasan lain dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan menerima layanan yang lebih dari mereka seperti pembersihan longkang, pembinaan dan penyelenggaraan jalan, projek-projek pembangunan sosial ekonomi dan sebagainya. Sungutan seringkali didengar dari penduduk kampung-kampung baru bahawa cukai pintu dibayar sedangkan hanya pungutan sampah diberikan. Longkang tidak dibersihkan dan jalan tidak dibaiki langsung. Saya ingin menggesa pihak berkuasa tempatan mengubah sikap dalam pemberian perkhidmatan kepada kampung-kampung baru. Berilah layanan dan perkhidmatan yang sama dengan kawasan lain dalam pentadbirannya. Pihak berkuasa tempatan adalah agen pembangunan dalam kawasan pentadbirannya mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Oleh itu, saya menyeru pihak berkuasa tempatan memainkan peranan sebagai agen pembangunan di kampung-kampung baru. Kita dapati kemudahan perdagangan seperti kedai amat kekurangan di kampung-kampung baru. Penduduk kampung baru terpaksa ke pekan yang jauh untuk membeli barang. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengenalpasti kawasan tertentu dalam kampung-kampung baru untuk membina gerai atau rumah kedai.

Dato' Tan Peng Khoon: Yang Berhormat duduk sekejap.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat ini, cuma sekadar penjelasan sahaja kerana saya tidak begitu faham tadi. Yang Berhormat meminta supaya Kerajaan mengubah sikap, apakah maksud mengubah sikap itu hanya terhadap kampung baru sahaja ataupun Kerajaan harus juga memandang kepada kampung-kampung tradisional yang tidak pernah diberi pembelaan oleh Kerajaan. Atau apakah maksud saudara Yang Berhormat itu hanya kepada kampung baru sahaja dan tidak perlu kepada kampung tradisional. Dan apakah yang dimaksudkan oleh saudara ,tadi bahawasanya penduduk-penduduk di kampung baru susah hendak ke pasar-pasar kerana jauh. Apakah maksud saudara itu yang dianggapkan susah orang, bendak pergi ke pasar seperti penduduk di Kampung Baru Jinjang, seperti penduduk di Kampung Baru Ampang, seperti penduduk di Kampung Baru Sungai Besi, seperti penduduk di Kampung. Baru Kepong ataupun bagaimana? Saya menyokong pandangan-pandangan saudara Yang Berhormat ini, cuma saya pohon penjelasan supaya memudahkan saya untuk mengambil tindakan nanti

Tuan Chong Chi Sioog: Tuan, Yang di-Pertua, terima kasih. Penjelasan saya terhadap kampung baru sahaja, Saya suka memberi contoh kepada kampung baru yang tiada kemudahan, seperti gerai dan kedai di Kampung Masan, Daerah Jempol. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya pihak berkuasa tempatan sebagai agen pembangunan hendaklah turut merancang pembangunan dari segi fizikal dan sosial ekonomi di kampung-kampung baru. Projek-projek pembangunan seperti pembinaan pasar gerai-gerai dan sebagainya

patut diadakan di kawasan yang sesuai di kampung-kampung baru. Saya ingin menggesa pihak berkuasa tempatan dalam merancang Rancangan Malaysia Keenam turut mengambil ingatan kepada keperluan kampung-kampung baru.

Satu perkara lagi ialah jalan-jalan dalam kampung-kampung baru oleh kerana terletak dalam kawasan pentadbiran sesuatu pihak berkuasa tempatan, geran selenggaraan untuk jalan-jalan di kampung-kampung yang mana telah mencapai 14 kaki lebar telah dihantar kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan. Malangnya, geran selenggaraan tersebut tidak digunakan untuk tujuan selenggaraan jalan di kampung-kampung baru. Ianya disalurkan oleh pihak berkuasa tempatan yang miskin untuk tujuan yang lain, seperti membayar gaji kakitangan. Keadaan ini tidak harus berlaku kerana geran selenggaraan jalan yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan hendaklah digunakan untuk tujuan itu sahaja. Geran ini adalah satu batu sebanyak \$9,850 setahun. Saya difahamkan geran selenggaraan ini akan bertambah sebanyak 40% iaitu meningkat kepada \$13,790 sebatu pada tahun 1990. Saya ingin menggesa pihak berkuasa tempatan tidak menyalurkan geran selenggaraan ke tempat atau tujuan lain. Geran digunakan geran selenggaraan jalan yang diterima untuk jalan di kampung-kampung baru hanya untuk di kampung-kampung baru. Saya ingin.....

Datuk Haji Hussein bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sekadar untuk membetulkan apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat. Sebenarnya geran pembaikan jalan atau, dengan izin, road maintenance ini tidaklah disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun kepada melalui mana-mana Penguasa Tempatan. Geran ini disalurkan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dah tidak timbul masalah peruntukan, dengan izin, road maintenance ini untuk dilaksanakan sebagai pembayar gaji oleh Pihak-pihak Penguasa Tempatan.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Pihak Penguasa Tempatan menubuhkan satu akaun berasingan untuk geran penyenggaraan jalan supaya geran itu tidak dicampuraduk dengan wang hasil Pihak Penguasa Tempatan.

Datuk Haji Hussein bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya suka jelaskan lagi kepada sahabat saya iaitu geran pembaikan jalan tidak disalurkan kepada Pihak-pihak Penguasa Tempatan. Walaupun demikian, sekarang ini bagi Pihak-pihak Penguasa Tempatan sedang berusaha untuk memohon kepada pihak Kerajaan agar peruntukan ini dapat disalurkan melalui Kerajaan Tempatan, dan setakat ini masih belum lagi.

Tan Chong Chi Siong: Terima kasih, Dato' Tuan Yang di-Pertua, salah satu dasar Kerajaan yang telah dilancarkan beberapa tahun dahulu ialah penswastan. Saya menyokong penuh dasar penswastan ini kerana ianya membawa faedah kepada negara dan penduduk. Namun begitu, Pihak Penguasa Tempatan perlu berhati-hati dalam usaha menswastakan projek supaya tidak berlaku pilihkasih rakan pengusaha dan sebagainya.

Saya ingin menggesa pihak berkenaan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula Akta Kerajaan Tempatan 1976 supaya usaha Pihak Penguasa Tempatan dalam penswastan adalah mengikut kehendak Akta ini. Saya difahamkan penubuhan syarikat usahasama antara Pihak Penguasa Tempatan dan syarikat swasta masih tidak boleh dijalankan pada masa ini kerana tidak dibenarkan oleh Akta ini. Oleh itu, saya menggesa kajian semula Akta ini dijalankan dengan segera dan pindaan kepada Akta ini dibuat sekiranya perlu supaya penswastan ini benar-benar dapat dihayati oleh Pihak Penguasa Tempatan.

Di samping itu, Ahli Majlis Pihak Penguasa Tempatan selalunya terdiri dari *ex-officio* atau pegawai Kerajaan dan wakil dari parti-parti politik. Kita akui kedua-dua golongan ini penting untuk Pihak Penguasa Tempatan dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat setempat. Akan tetapi, kadangkala terdapat pergeseran antara kedua golongan ini, terutama dari segi peranan masing-masing. Akta Kerajaan Tempatan pula tidak menggariskan peranan untuk kedua-dua golongan ini dengan jelas. Oleh itu, saya meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji perkara ini dan mengeluarkan garis panduan ke atas tugas atau peranan *ex-officio* dan wakil parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit dalam hal-hal antarabangsa. Sejak CHOGM dan usaha meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, ia telah menarik perhatian kewujudan Malaysia di pasaran antarabangsa. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia khasnya kerana kebanyakan industri utama telah menunjukan industri hiliran. Satu faktor yang penting ialah barang-barang daripada industri hiliran seperti perabot yang diproses dari kayu balak, margerine daripada kelapa sawit, sarung tangan

daripada susu getah asli telah dapat dieksport. Akan tetapi ianya terpaksa menghadapi halangan perdagangan seperti cukai import yang tinggi yang dikenakan ke atas oleh negara-negara maju. Dalam hal ini, saya ingin menggesa Kerajaan terutama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memainkan peranan penting untuk berunding dengan negara-negara maju agar mengurangkan cukai import yang tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh pelancongan dalam Tahun Melawat Malaysia 1990. Setiap negeri sedang berusaha mengeluarkan risalah mengenai tempat menarik untuk pelancong. Adalah dirasakan demi kebaikan negara keseluruhannya, Malaysia seharusnya mempunyai satu pendekatan yang diselaraskan supaya setiap negeri mempunyai suatu daya tarikan pelancong yang berbeza dengan negeri lain untuk diutarakan. Walaupun terdapat banyak tempat yang dapat diutarakan, namun potensi tempat-tempat ini masih belum dibangunkan dengan sepenuhnya atas sebab kekurangan kewangan. Dengan itu, kita harus mempertingkatkan di samping mempertahankan tempat-tempat penarikan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, pelancong sudah pasti memilih melawat negara yang rakyatnya bersatupadu dengan kehidupan yang harmoni. Adalah amat penting perpaduan rakyat dipertingkatkan untuk memberi manfaat kepada industri pelancongan, memberi kestabilan politik kepada pelabur asing dan memberi peluang yang sama kepada semua rakyat Malaysia ke arah satu kehidupan yang lebih baik. Dengan itu menjadi sebuah negara yang boleh dibanggakan.

Oleh yang demikian, suka saya sekali lagi menyokong kepada Belanjawan Tahun 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak beri peluang kepada orang baru, iaitu Yang Berhormat Saidin bin Mohamed.

6.37 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli baru dan kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang untuk berucap pada petang ini, saya mengucapkan setinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan yang baru yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Perlis, saya mengucapkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Dewan yang mulia ini dengan mendapat tepukan daripada Ahli-ahli sebagai mengalu-alukan di atas perlantikan dan penerimaan ahli Dewan kepada saya.

Terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, melalui Dewan Undangan Negeri Perlis yang telah melantik saya, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar. Begitu juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merestui pemilihan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis .

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan ini, saya ingin menyentuh Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri. Pembangunan sosial ke arah pembangunan bangsa iaitu mengenai sikap masyarakat adalah nadi atau teras pembangunan bangsa.

Dalam ugaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan bangsa yang bermaruah tinggi, mengekalkan sifat-sifat kehalusan budi dan tata susila dalam negara yang berbilang bangsa, unsur-unsur perkauman dan rasa kedudukan yang tinggi, maka penjalaran budaya kuning dan sebagainya perlulah dibanteraskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan contoh bagaimana unsur-unsur yang kurang baik menjalar masuk dan mula mempengaruhi budaya kita tatacara hidup dan budi bahasa iaitu melalui kegiatan penyeludupan di sempadan Malaysia-Thai, melalui kesesatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan tidak boleh berlaku dengan hanya kegiatan satu pihak sahaja. Anak-anak muda yang dahulunya mereka tidak tahu langsung mengenai penyeludupan tetapi sehari demi sehari, sehingga seterusnya sebulan ke sebulan dan setahun berlalu dan akhirnya anak-anak muda kita yang bersopan-santun itu jatuh ke lembah kehinaan ataupun ke lembah yang kita tidak ingini.

Mereka tidak hiraukan lagi kepada sesiapa pun. Jika sifat-sifat ini tidak menjangkau dan seterusnya mempengaruhi kalangan lain, mungkin tidak mengapa. Tetapi mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, contoh lain ialah mengenai berpersatuan. Dalam keghairahan untuk mendapatkan tempat dalam pertubuhan-pertubuhan terdapat setengah daripada kalangan kita telah sanggup manaki hamun, kata nista, fitnah-memfitnah, melempar kerusi, tunjuk perasaan yang melampau dan sebagainya, bahkan ini satu

daripada unsur-unsur yang boleh melenyapkan sifat-sifat baik, yang akhirnya tidak dapat dibendung lagi oleh pihak-pihak yang berkenaan yang berkuasa di dalam pemerintahan negara kita, jika sekiranya kita membiarkannya terus-menerus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu kita menjadi pada setengah kalangan parti politik yang hanya pandai mengkritik dan memburuk-burukkan Kerajaan tetapi yang tidak mencadangkan langkah-langkah yang sewajarnya yang patut Kerajaan laksanakan demi untuk membawa Kerajaan kita menjadi sebuah Kerajaan yang kuat dan utuh di dalam pemerintahan negara kita pada masa-masa yang akan datang. Untuk tujuan ini bagi membangunkan negara kita yang berbilang bangsa ini, Kerajaan haruslah bertindak sebelum terlambat agar membanteras sebarang kegiatan penyeludupan di sempadan dan menentukan pertubuhan-pertubuhan politik mahupun kebajikan supaya pertubuhan-pertubuhan ataupun persatuan-persatuan itu sentisa berdisiplin, termasuk kegiatan-kegiatan berdakwah yang sesuai dengan pembangunan bangsa, bukan melampau dan lain-lain kegiatan halus yang sukar dikesan puncanya tetapi mula melampau di nusantara negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak bercakap panjang di Dewan yang mulia ini dan akhirnya di dalam menyokong peruntukan ini, sepatutnya bukan sejumlah atau sebanyak itu sahaja, malah banyak yang patut ditambah lagi. Maka di dalam menjalankan pembangunan bangsa yang berkemajuan, klasifikasi tidak patut lagi Kerajaan galakkan kerana sejauh ini lambatnyanya membangunkan masyarakat di luar bandar. Walaupun Kerajaan telah memberikan perhatian

yang bersungguh-sungguh dan agensi-agensi Kerajaan seperti di bidang pertanian, perikanan, KEMAS dan sebagainya telah bertungkus lumus untuk memajukan masyarakat di luar bandar, tetapi selagi mereka yang mempunyai pelajaran tinggi tidak sanggup bersama rakyat, ke bukit sama didaki dan sebagainya; umpamanya guru dengan guru kampungnya, pegawai dengan pegawai kampungnya, begitulah seterusnya. Kenapakah kita hairan dengan kemajuan di Saemaul Undong di Korea Selatan yang dalam masa yang singkat dapat mencapai kemajuan yang menjadi keagungan dan contoh kepada negara-negara yang baru membangun? Apakah orang-orang luar bandar dalam Malaysia kita ini masih pemalas, sedangkan di Saemaul Undong orang-orang yang berpelajaran tinggi bersama-sama dengan orang-orang kampung baik dari kalangan doktor, jurutera dan sebagainya sanggup bersama-sama dengan rakyat .

Di Saemaul Undong tidak kurang daripada lima ataupun lebih jurutera yang tinggal bersama dengan orang-orang kampung. Begitu jugalah beberapa ramai lagi pegawai-pegawai lain yang berpangkat tinggi yang membawa Saemaul Undong telah menjadi contoh kepada seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong peruntukan yang dibentangkan ini, dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Anggaran Belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Chang Choong Tak.

6.48 p t g .

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini bagi

Tuan Yang di-Pertua, kini setelah semua kesilapan-kesilapan asas diperbetulkan, kita mahu melihat ke hadapan. Biarlah kita teruskan dengan kelonggaran ekonomi kita serta memberikan insentif-insentif kepada pelabur-pelabur khususnya kepada pelabur-pelabur tempatan bagi menggalakkan mereka melabur dalam negara kita sendiri. Biarlah kita tumpukan perhatian kita kepada pertumbuhan atau 'growch', dengan izin, dan membenar, menggalakkan serta memujuk rakyat Malaysia di samping rakyat asing yang dapat membantu kita untuk melakukan penyertaan penuh dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita memperolehi kekayaan, maka kekayaan itu haruslah dibahagikan mengikut dasar keperluan dan kecemerlangan atau, dengan izin, mengikut 'need and merit' tanpa melupai kedudukan khas orang-orang Melayu yang terkandung dalam Perlembagaan kita.

Seperti yang telah saya katakan awal tadi, negara kita sedia untuk memasuki satu era kegemilangan yang baru. Kita mempunyai banyak faktor yang memihak kepada kita. Kita mempunyai sumber-sumber yang banyak dan tidak pernah mengalami sebarang bencana alam yang buruk. Sebenarnya, kita mempunyai sumber-sumber yang dapat menjadikan negarakita sebagai negara utama dalam Asia. Sama ada kita berjaya berbuat demikian, bergantunglah kepada perpaduan rakyat, Tuan Yang di-Pertua - saya ulangi, perpaduan rakyat - dan juga kestabilan Kerajaan kita. Oleh itu segala usaha hendaklah dilakukan untuk menyatukan rakyat kita supaya memikirkan diri mereka sebagai satu bangsa.

Kerajaan tidak harus terlalu memperdulikan perbezaan kaum dan fanaticisme agama tetapi lebih kepada perpaduan rakyat. Pada masa yang sama, semua orang rakyat Malaysia harus mengurangkan proses politik yang kurang sihat dan menitikberatkan pembentukan negara yang stabil dan bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, satu halangan yang besar untuk menstabilkan negara kita ialah rasuah. Rasuah merupakan satu musuh utama kita. Setiap tahun berjuta-juga wang ringgit titik peluh kita bertukar tangan di bawah meja kepada perasuah-perasuah. Ini bukan sahaja membantutkan perkembangan pembangunan ekonomi, malah memberikan peluang kepada orang-orang yang ingin menjatuhkan Kerajaan. Kerajaan dan orang ramai mestilah bekerjasama dengan tujuan yang sama, iaitu untuk menghapuskan rasuah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa gembira mendapati Kerajaan kita memberikan perhatian yang serius kepada pembangunan bidang yang berpotensi dan mendatangkan hasil yang besar ini, iaitu pembangunan pelancongan. Selain daripada memberikan insentif-insentif yang nyata kepada hotel-hotel dan pengusaha-pengusaha pelancongan, kerjasama yang erat dengan negara-negara ASEAN harus diwujudkan bagi menarik pelancong-pelancong asing kepada 'region' atau wilayah ASEAN ini bagi faedah negara-negara berkenaan. Dalam hal ini, saya berharap bahawa semua negeri dapat menubuhkan satu agensi supaya semua tenaga untuk menarik pelancong itu dapat dijalankan dengan licin dan tidak payah kita memerlukan dua atau tiga kali ganda tenaga yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan industri perumahan dan pembinaan, Kerajaan juga memberikan perhatian yang serius untuk membangunkan industri ini kerana industri ini adalah satu industri yang boleh memberikan jawatan-jawatan kerja kepada orang ramai dan juga satu pusat di mana kerja-kerja yang lain dapat dikumpulkan. Maka, selain daripada mengurangkan cukai-cukai di atas barang-barang pembinaan yang penting, Kerajaan juga memberikan perhatian kepada barang-barang kekurangan atau barang-barang yang dikehendaki.

Misalnya, lori-lori dan bulldozer-bulldozer yang dikehendaki oleh pembina-pembina yang pada masa sekarang banyak kekurangan.

Oleh sebab masa sudah suntuk, saya tidak ingin menyentuh banyak perkara yang lain selain daripada perkara berkenaan dengan pendidikan,

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang yang besar diperuntukkan kepada pendidikan dalam setiap Belanjawan, dan dalam Belanjawan ini tidak banyak perbezaan wujud dan banyak wang juga diperuntukkan.

Kerajaan serta rakyat kita percaya akan kepentingan pendidikan ke atas warganegara muda kita. Pembentukan negara kita bergantung kepada pendidikan yang kita berikan secara amnya. Semenjak merdeka kita telah banyak menjalankan usaha-usaha gigih dalam pendidikan. Kita telah membina sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti dan pendidikan hingga ke peringkat sekolah menengah pada masa ini sudah dapat diberikan kepada setiap seorang yang ingin belajar. Kami telah difahamkan bahawa lebih banyak perubahan akan dibuat di dalam sistem pendidikan kita.

Misalnya kami diberitahu barangkali Akta Pelajaran yang ada sekarang sedang dikaji semula dan kemungkinan Akta ini digantikan dengan satu Akta yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya fikir semua rakyat yang lain juga dengan ikhlas berharap agar perubahan-perubahan yang akan diambil itu akan dengan berkesannya melahirkan golongan muda kita sebagai rakyat Malaysia yang **tulin**. Secara rasionalnya, saya amat keciwa sungguhpun kita membuat pencapaian dalam pendidikan, golongan dewasa pada masa ini sama ada golongan tua, muda, kebanyakan mereka pada masa sekarang masih berfikir dan bertindak sebagai orang Melayu atau orang Cina atau orang India atau orang Kadazan dan bukan sebagai orang Malaysia.

Kita telah selama ini gagal mewujudkan satu bangsa Malaysia yang tunggal. Kita harus mempunyai di dalam sistem pendidikan baru kita....

Puan Mazidah binti Haji Zakaria:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Sila duduk sekejap!

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Saya minta jalan, Tuan Yang di-Pertua. Sekadar hendak minta penjelasan ataupun pendapat daripada Yang Berhormat yang sedang berucap yang mengatakan kegagalan sistem pendidikan kita melahirkan rupa bangsa orang Malaysia yang tulin. Kerana seperti yang dinyatakan kita masih lagi berfikir sebagai orang Melayu atau orang Cina atau orang India. Jadi, penjelasan yang saya minta ini adakah kemungkinan kegagalan ini timbul kerana semua anak-anak kita tidak melalui satu sistem pendidikan sahaja. Adakah mungkin timbulnya pemikiran kita berasingan. Orang Melayu, orang Cina, orang India kerana pada peringkat awal pendidikan kita itu kita melalui 3 sistem ataupun lebih yang berbeda-beda.

Dato' Chan Choong Tak: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau golongan Malaysia telah diwujudkan, kita dapati bahawa semua kanak-kanak kita berfikir, bermain-main dan belajar bersama-sama. Dan pada masa sekarang, sungguhpun mereka adalah belajar di dalam satu sekolah yang sama bukan sahaja di sekolah-sekolah sistem yang lain, saya fikir dalam sistem ini adalah satu sistem sahaja. Tetapi ada jenis sekolah-sekolah yang berlainan. Misalnya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan. Tetapi, selain daripada murid-murid di dalam tiap-tiap satu jenis, semua murid barangkali dalam satu jenis yang sama misalnya dalam sekolah kebangsaan. Kalau ada mempunyai murid-murid yang berasal Cina atau

Melayu atau Tamil pada masa sekarang dukacitanya kita tidak tengok mereka bahawa berkumpul bersama-sama dan apa yang dibuat mereka barangkali berasaskan kepada sama ada dia orang Cina, orang India atau orang Melayu. Dan barangkali ini diakibatkan satu daripada sebabnya ialah sistem yang kita ada sekarang.

Selain daripada itu, selain daripada sistem pelajaran, barangkali ada disekeliling kita apa yang dibuat oleh orang dewasa tidak memberikan teladan yang baik kepada kanak-kanak kita. Oleh sebab itu saya berharap apakah perubahan yang akan didatangkan di atas perubahan-perubahan di dalam Akta Pelajaran itu dapat mengatasi masalah ini.

Berkenaan hal perubahan, saya berharap perubahan yang akan datang akan menjadikan sekolah-sekolah yang dijalankan sebagai satu sesi sahaja dan tiap-tiap satu kelas tidak mempunyai lebih dari tiga orang pelajar dalam tiap-tiap kelas.

Kedua, kelonggaran kawalan yang tidak sewajarnya ke atas sekolah-sekolah sama ada oleh Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan. Kementerian kita mestilah menggalakkan keupayaan sekolah-sekolah itu bersaing antara satu sama lain untuk mencapai persembahan yang cemerlang atau, dengan izin, they should actually be encouraged to compete for excellence in performance. And-they should be a few restriction as possible from the centre.

Ketiga, guru-guru yang berkelayakan penuh, yang dapat menggunakan masa mereka untuk mengajar dan bukan seperti sekarang kebanyakan masa mereka itu digunakan untuk membuat kerja-kerja kerani, memenuhi borang-borang atau menghadiri mesyuarat-mesyuarat

barangkali tiap-tiap minggu.

Keempat, pelajar-pelajar dari semua bangsa keturunan mestilah diberikan peluang untuk belajar dalam satu kelas atau satu sekolah dan mereka digalakkan supaya bermain bersama-sama tanpa diingatkan akan bangsa mereka melalui borang-borang yang perlu diisi. Seperti masa sekarang kebanyakan borang-borang itu untuk dipenuhi oleh orang Malaysia ada ditunjukkan sama ada dia orang Melayu, orang Cina atau orang India.

Pada fikiran saya selain daripada statistik yang boleh dijalankan secara yang lain ini tidak payah digunakan supaya mereka memenuhi borang itu sebagai orang Malaysia dan melalui biasiawa yang akan ditawarkan atau melalui bentuk-bentuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi tiga perkara yang pendek sahaja.

Kelima, peruntukkan (allocation) untuk membeli alat-alat sekolah mestilah secara yang sama. Pada masa sekarang bagi sekolah-sekolah yang hartanya dipunyai oleh swasta, Kerajaan, saya fikir tidak memberikan peruntukan yang sama dengan sekolah-sekolah yang diberikan bantuan yang penuh. Kerana fikirannya berasaskan kepada sekolah-sekolah ini dipunyai oleh swasta. Tetapi swasta itu tidak mempunyai barang-barang atau, dengan izin, moveable asset seperti perabot, seperti alat-alat mengajar, maka wang ini kalau diberikan kepada sekolah kebangsaan mestilah juga diberikan kepada sekolah yang menerima separuh bantuan.

Keenam, guru-guru yang dihantar ke kawasan luar bandar Kerajaan mestilah memberikan kepada mereka tempat untuk mereka tinggal. Saya diberitahu pada masa sekarang di sebuah sekolah Ulu Bernam Estate (Tamil) School, guru-guru yang dihantar itu terpaksa diam dalam kantin, tidak ada rumah dan sekolah ini jauh daripada bandar.

Ketujuh, dorongan haruslah diberi kepadakan kepada pihak swasta untuk mendirikan lebih banyak sekolah swasta dan kolej bagi meringankan beban Kerajaan.

Pada masa sekarang kita tahu pada tiap-tiap Belanjawan barangkali wang yang banyak sekali diberikan kepada pendidikan, kerana pihak swasta tidak mengambil apa-apa bahagian yang besar. Apa yang kita hendak galakan ialah seperti di negara Amerika dan England supaya pihak swasta itu mendirikan sekolah dan mereka bersaing di antara satu sama lain untuk mendapatkan murid dan untuk berbuat begita, mereka mesti meninggikan taraf sekolah mereka.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua boleh saya minta penjelasan sekali lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya haraplah oleh kerana masa amat suntuk, saya harap supaya tidak mengganggu ucapan....

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Saya minta, kalau boleh. Kalau tidak boleh, tak apa, hanya sekadar ada relevannya apa yang dikatakan....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, Yang Berhormat, kerana saya hendak minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap supaya lebih ringkas lagi. Saya tengok masih banyak lagi Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih.

Dato Chan Choong Tak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, satu minit sahaja lagi.

Hak-hak untuk pihak swasta bagi menggunakan harta sekolah haruslah dihormati selagi penggunaan mereka tidak mempengaruhi pelajaran di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita ada banyak sekolah yang hartanya dipunyai oleh pihak swasta, misalnya oleh jawatankuasa di sekolah-sekolah Cina, oleh estet-estet bagi sekolah-sekolah Tamil dan oleh mission authority bagi sekolah-sekolah yang dahulunya digunakan untuk menyebarkan agama. Harta-harta ini dipunyai oleh pihak ini dan ada di antara ketua-ketua pegawai yang barangkali tidak tahu bahawa harta ini dipunyai oleh kuasa swasta dan mereka menghalang pihak swasta tersebut untuk menggunakan sekolah-sekolah atau bangunan-bangunan mereka sendiri.

Saya harap supaya hal-hal ini dapat dilicinkan supaya semua pihak faham dan tidak menjadi apa-apa kesalahan atau, dengan izin, misunderstanding. Maka dengan ini saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

7.14 mlm.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1990.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana sekali lagi berjaya mengemukakan Belanjawan 1990 yang munasabah dan menggembirakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah manansuhkan cukai jualan bagi bahan-bahan binaan demi memastikan rakyat memiliki rumah sendiri. Tidak syak lagi ini akan menggiatkan pertumbuhan industri perumahan di samping menstabilkan harga rumah. Akan tetapi apa yang

dikesalkan ialah harga rumah tidak turun seperti yang dijangkakan, sebaliknya ia semakin bertambah naik. Pada masa dahulu harga rumah yang sederhana ialah lebih kurang \$40,000 atau \$50,000 akan tetapi ia telah naik sehingga \$60,000 atau \$70,000. Sementara itu rumah kos rendah masih berharga \$25,000. Keadaan ini adalah tidak sihat. Saya mencadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus membuat kajian demi memastikan golongan rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Di samping itu pihak pemaju juga jangan menggunakan kesempatan ini untuk mencari keuntungan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, Kerajaan kita bersama dengan Kerajaan Thailand telah menandatangani satu pakatan damai dengan Parti Komunis Malaya baru-baru ini. Kita berasa amat gembira dengan pakatan damai ini kerana negara kita akan bebas daripada ancaman komunis yang pernah kita hadapi selama 41 tahun. Kerajaan juga tidak perlu lagi memperuntukan banyak wang untuk menentang Parti Komunis. Oleh itu saya mencadangkan supaya \$390 juta yang digunakan untuk pertahanan luar dapat disalurkan untuk menjalankan berbagai projek pembangunan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sedih sekali lagi atas nahas udara yang menimpa 16 orang tentera kita. Beberapa hari yang lepas Yang Berhormat Menteri Pertahanan menyatakan bahawa helikopter Nuri di negara kita adalah sejenis helikopter yang terbaik di dunia. Saya tidak bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Menteri, kerana setakat ini tragedi-tragedi udara yang berlaku di negara kita telah menyebabkan seramai 37 orang anggota terkorban begitu sahaja semasa

menjalankan tugas . Oleh itu saya menyeru supaya Ahli Jawatankuasa Penyiasat Khas yang ditubuhkan untuk menyiasat punca- puncanya menjalankan tugas dengan **teliti**, cekap dan cepat supaya satu cara pencegahan dapat **dicari**. Dengan demikian barulah tragedi yang sedemikian dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, corak pentadbiran Kuala Lumpur agak berbeza daripada bandaraya yang lain iaitu Bandaraya Kuala Lumpur bukan ditadbirkan oleh Kerajaan Tempatan tetapi oleh Dewan Bandaraya.

Untuk, mengurangkan kesesakan lalulintas, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bercadang membina 9 batang simpang bertingkat. Ini memang menggembirakan penduduk-penduduk Kuala Lumpur akan tetapi apa yang dikesalkan ialah bayaran tol dikenakan ke atas mereka. Difahamkan bahawa selepas ke 9 batang simpang bertingkat disiapkan, 3 plaza tol akan disediakan iaitu di Jalan Cheras, di Jalan Pahang dan di "Edinburgh Ring", engan izin, dan bayaran tol yang dikenakan ialah \$1,00 untuk kenderaan ringan dan \$2.00 untuk kenderaan berat.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran tol sebanyak \$1.00 ini pasti akan menambahkan beban kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Sebagai contoh, kalau sebuah keluarga yang mempunyai 2 buah kereta. Sebuah kereta yang digunakan pergi bekerja dan sebuah kereta yang digunakan menghantar anak-anak pergi ke sekolah, ini bermakna keluarga ini terpaksa membayar tol sebanyak \$4.00 setiap hari dan bayaran tol bulanan talah lebih kurang \$120 manakala bayaran tol tahunan ialah lebih kurang \$1,440. Kalau dijumlahkan untuk tempoh 10 tahun ialah \$14,440.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu angka yang besar. Tindakan mengenakan bayaran tol ini tentulah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Ini adalah kerana suka tidak suka, mereka terpaksa melalui stesen tol ini manandangkan tidak ada sebarang jalan alternatif untuk mereka. Tindakan ini adalah dianggap tidak adil bagi mereka. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan memansuhkan projek swasta Ini dan sebaliknya Kerajaan Pusat harus memperuntukkan sebanyak \$269 juta untuk menyiapkan projek pembangunan jalan bertingkat ini. Cara ini akan dapat mengurangkan beban sebilangan besar penduduk-penduduk Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rancangan pelajaran sekolah rendah, menjelang tiba penghujung tahun 1990, Kerajaan akan melaksanakan sebanyak 4,430 projek sekolah. Ini termasuk pembinaan sebanyak 10,163 buah bilik darjah sekolah rendah. Apa yang saya hendak suarakan ialah di seluruh negara masih terdapat banyak sekolah rendah jenis bantuan modal. Kebanyakan sekolah papan ini dibina pada tahun 30an atau 40an, akibatnya kebanyakan telah mengalami kerosakan dan sesetengahnya telah diisytiharkan sebagai bangunan yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari yang lepas, rakan saya Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah sebutkan beberapa sekolah rendah di negeri Perak yang kekurangan tandas. Guru-guru dan murid-murid terpaksa lari ke hutan melepaskan najisnya. Ini adalah satu contoh menunjukkan keadaan buruk sekolah bantuan modal di negara kita. Sehingga ini, kebanyakan sekolah yang tersebut masih belum dapat dibaikpulihan, akibatnya murid-murid belajar di suasana sekolah yang kurang memuaskan tentulah mereka tidak boleh mendapat keputusan peperiksaan yang memuaskan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan satu Tabung Khas untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyentuh sebanyak dua kali tentang kemelesetan ekonomi yang dialami oleh para penduduk di Labuan, Wilayah Persekutuan. Kebanyakan penduduk di sana mengalami masalah pengangguran, kekurangan pelaburan, kemerosotan perniagaan, pertukaran barang dan sebagainya. Saya berasa gembira apabila mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan labuan sebagai pelabuhan bebas cukai akan tetapi dalam Belanjawan ini tidak disebutkan sebarang peruntukan untuk pembangunan Labuan. Oleh itu, saya ingin tahu apa langkah akan diambil oleh Jabatan Perdana

Menteri untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai dalam ertikata yang sebenarnya. Bilakan matlamat ini akan tercapai?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan peruntukan sebanyak \$1,144 juta yang diuntukkan untuk penyediaan kemudahan asas di luar bandar demi meninggikan taraf hidup para penduduk di luar bandar. Akan tetapi, apa yang dikesalkan ialah ketidakadaan sebarang peruntukan disediakan untuk pembangunan kampung baru di Wilayah Persekutuan. Demikian juga dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang juga tidak berbuat sedemikian. Dalam keadaan sedemikian, bagaimana masalah kekurangan infrastruktur atau kemudahan asas di kampung baru di Wilayah Persekutuan dapat diselesaikan? Saya minta penjelasan dari Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat .Dato' Seri Dr. Mahathir, negara kita telah mencapai banyak kejayaan dalam berbagai aspek seperti mengadakan Persidangan CHOGM, Sukan SEA, menandatangani Pakatan Damai dengan Parti Komunis, mengukuhkan perpaduan antara kaum. Semua kejayaan ini telah membawa negara kita ke arah satu era baru.

Oleh **itu**, saya menyeru supaya rakyat jelata dapat menggandakan kerjasama antara satu sama lain dan mengurangkan perselisihan faham antara kaum demi pembangunan negara. Marilah kita berganding bahu bersama-sama untuk membawa negara kita ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya melahirkan sokongan terhadap Belanjawan 1990 sepenuhnya. Terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoon: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

7.32 mlm.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tersebut merupakan satu Belanjawan yang berani serta membayangkan bahawa Kerajaan yakin di atas kemampuannya menghadapi keadaan yang lebih mencabar.

Saya percaya Belanjawan ini dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi di samping mengawal kenaikan harga barangan. Masyarakat dunia sedang menghadapi krisis ideologi. Ia memerlukan tonik demokrasi untuk mengubati penyakitnya. Blok Timur melenyapkan pemerintahan komunis mereka. Beberapa buah negeri Kesatuan Soviet telah mengalami rusuhan-rusuhan ethnik dan negeri China menghadapi gegaran gerakan, pro demokrasi yang berakhir dengan peristiwa berdarah

di medah Tianarmen.

Di tanahair kita sendiri sudah ada satu Perjanjian Damai ditandatangani untuk membolehkan pengganas komunis di Sempadan manberhentikan perjuangan bersenjata mereka . Ini semua membayangkan komunisma hanya akan menjadi sebahagian dari sejarah yang lalu, suatu yang lapuk kerana ia gagal untuk menyelesaikan masalah manusia dan kemanusiaannya. Selain daripada itu ideologi komunis tidak lengkap dan bertentangan dengan fitrah kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berbangga menjadi rakyat Malaysia yang mengamalkan falsafah demokratik, falsafah demokrasi, Pimpinan negara diwujudkan secara pilihanraya demokratik, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the beauty of democracy is that it does the capacity to correct itself.* Ada negeri di mana rakyat hidup dalam suasana ketakutan dan tembak-menembak, di sana dengan izin, *polling stations have become police station..*

Kita bersyukur kepada Tuhan bahawa kita rakyat Malaysia setakat ini tidak menghadapi keadaan malang begitu. Kita hendaklah memperkukuhkan sistem demokrasi ini,

Tuan Yang di-Pertua, politik kompromi di antara orang Melayu dan orang bukan Melayu hendaklah dipertahankan selama-lamanya untuk survival generasi barisan kita yang akan datang, Politik kompromi ini akan pecah jika kita tidak berhati-hati. Kita wakil-wakil MIC dan Barisan Nasional sedar seperti rakar-rakan lain bahawa bangsa Melayu adalah golongan dominan di dalam masyarakat Malaysia. Masyarakat Melayu adalah penentu kestabilan dan keutuhan sistem politik negara. Ini suatu reality politik dan tidak boleh dinafikan. Dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955, tidak seorang pun calon bukan Melayu yang kalah apabila bertanding kawasan undi majority

Melayu ini membuktikan politik liberal dan sikap tidak perkauman yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dan suara politiknya UMNO sejak tahun 1955.

Tuan Yang di-Pertua, MIC dan MCA mempunyai hubungan tradisi dengan UMNO selama lebih 40 tahun. Kita wakil-wakil MIC sedia bekerjasama dengan UMNO dan MCA untuk menyelesaikan masalah nasional.

Di sini saya mengalu-alukan komen yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri kita, unsur Islam tidak boleh dipaksakan ke atas orang-orang bukan Islam. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad bukan hanya ketua kepada 1.3 juta anggota UMNO, sebagai Ketua Parti, tetapi Perdana Menteri kita adalah Ketua Kerajaan yang mempunyai 17 juta rakyatnya.

Yang Berhormat Tuan Anwar bin Ibrahim telahpun menyuarakan kepentingan kaum lain dan ia telah menjadi tajuk perbincangan dalam UMNO. Ini akan memperkukuhkan suasana keluarga Barisan Nasional.

Baru-baru ini, pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor telah menguji kematangan parti-parti komponen Barisan Nasional, isu ini akan diselesaikan secara perundingan dan rasional. Di sini isu siapa menang dan siapa kalah tidak timbul. Semangat kekeluargaan Barisan Nasional juga akan akhirnya telah menang melainkan ahli-ahli politik. Rakyat tidak gemar melihat perpecahan di Barisan Nasional. Cara menyelesaikan isu ini akan menjadi contoh dan teladan yang baik kepada bakal pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan.

Sejarah pahit 13 Mei 1969 dan juga Operasi Lalang Oktober, 1987 menunjukkan betapa sukar dan pedihnya penyelesaian masalah yang dilakukan secara ganas.

Tuan Yang di-Pertua di sini juga saya merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengkaji sempadan kawasan pilihanraya. Oleh kerana parti-parti perkauman dan chauvinis seperti DAP dan PAS memainkan politik kotor dan perkauman Suruhanjaya Pilihanraya seberapa yang boleh harus mewujudkan kawasan campur mixed constituency', dengan izin.

Di Semenanjung Malaysia jumlah kawasan Parlimen majoriti undi Melayu adalah lebih kurang 92, dan 26 kawasan undi majoriti China dan kawasan campur mixed constituency 14. Jumlah kawasan campur ini haruslah ditambah seberapa yang boleh untuk mencapai perpaduan nasional yang jujur, dengan izin, in this way the incidence of racial and religious extremism could be reduced and having more mixed races will reduce the dependency of one community to win. Saya yakin ini boleh diramalkan di negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin di sektor ladang atau pertanian diakui menjadi penggerak pembangunan negara kerana hasilnya adalah di antara penyumbang terbesar kepada pendapatan negara dan sektor ini juga menjadi sumber pekerjaan kepada rakyat.

Mengikuti perangkaan rasmi Kerajaan, punca rezeki lebih 1.8 juta penduduk Semenanjung bergantung kepada sektor pertanian. Dua tanaman utama yang menjadi tumpuan ialah getah dan kelapa sawit. Sudah sekian lama pembangunan sektor ini menjadi tumpuan Kerajaan, baik di segi perancangan memperluaskan kawasan mahupun usaha meningkatkan hasil serta daya produktiviti pekerja tersebut. Bagaimanapun, perkembangan dan sumbangan sektor ini tidak selaras dengan keadaan kehidupan pekerja yang terbabit secara langsung menjayakannya.

Para penduduk di ladang menghadapi pelbagai masalah yang sukar diatasi dan jarang dihadapi oleh pekerja di sektor lain. Ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan pendapatan yang tidak seimbang, kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air, elektrik, rekreasi dan tempat belajar anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai satu pengumuman yang dibuat oleh Ketua Pengarah, Jabatan Buruh, Yang Mulia. Tengku Omar Ghouse pada 24hb Julai, 1989. Beliau telah berkata hampir semua ladang di Semenanjung tidak mempunyai seorang doktor tetap. Ini satu keadaan yang menyedihkan hati wakil-wakil MIC kita. Bayangkanlah pula bagaimana keadaannya jika hanya ada 3 doktor dan 29 Pembantu Hospital bekerja sepenuh masa untuk merawat 338,199 orang pesakit di sektor perladangan sepanjang tahun lalu sepertimana yang dipersoalkan oleh sebuah akhbar harian tempatan berbahasa Malaysia.

Masalah ini tidak begitu serius di ladang-ladang milik agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA tetapi keadaan ini teruk di ladang-ladang milik swasta atau persendirian. Tanggungjawab menjaga kebajikan pekerja-pekerja ladang terletak sepenuhnya kepada pihak pengurusan atau majikan. Begitu juga dengan penyediaan khidmat rawatan dan perubatan. Walau bagaimanapun, majikan terpaksa mengeluarkan sedikit perbelanjaan untuk menguruskan kerana ia adalah sebahagian daripada pelaburan bagi faedah jangka panjang. Mereka tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kebajikan pekerja yang sentiasa memberi sumbangan tenaga serta masa untuk pembangunan sektor itu. Oleh kerana itu, kita mengakui sektor ladang adalah diantara penyumbang utama kepada pendapatan rakyat dan negara ini.

Maka adalah amat wajar sektor itu diberi keutamaan selaras dengan kedudukannya. Jika kita tidak mampu memberikan ganjaran yang setimpal kepada pekerja sebagai menghargai sumbangan mereka kepada negara, perlulah kita buat sesuatu untuk membalas jasa mereka, setidak-tidaknya secara menjaga kebajikan mereka. Untuk tindakan segera, khidmat rawatan dan perubatan adalah yang paling sesuai kerana ia tidak memerlukan perancangan teliti dan modal yang besar.

Untuk mewujudkan sebuah klinik dengan kakitangan sepenuh masa seperti seorang doktor, Pembantu Hospital dan kakitangan lain tidak memerlukan wang yang banyak sebagaimana yang diperlukan untuk meningkatkan mutu kemudahan lain seperti perumahan, bekalan air, elektrik, pelajaran serta -pusat rekreasi, Saya berharap dengan peningkatan mutu kemudahan asas di ladang-ladang ini akan menjadi pendorong atau tarikan kepada belia yang menganggur untuk merebut peluang pekerjaan yang banyak di sektor ladang.

Tuan Yang di-Pertua, ini sekurang-kurangnya dapat membantu sektor itu mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di samping membantu Kerajaan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Dengan itu kita tidak perlu lagi merancang mengambil buruh asing bekerja di ladang-ladang seperti dari negeri Bangladesh dan lain-lain. Keengganan penganggur dan belia memasuki sektor ladang disebabkan oleh beberapa faktor yang di antara lain tiada daya tarikan yang boleh menjamin kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah bersimpati kepada pekerja-pekerja ladang yang bersara apabila mereka cukup umur seperti skim pencen yang dinikmati oleh kakitangan yang bersara dari sektor awam. Skim pencen seperti ini hendaklah diperluaskan untuk kepentingan pesara-pesara di sektor perladangan dan tidak di bidang kuasa. Kerajaan tidak perlu bimbang mengenai sumber kewangan untuk mengamalkan skim pencen bagi para pekerja ladang. Tabung SOCSO dan EPF boleh dicantumkan untuk melaksanakan skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah pendidikan hanya sesuai untuk sesuatu masyarakat pada suatu ketika sahaja. Ilmu pengetahuan sentiasa berkembang, maka falsafah pendidikan mestilah berkembang. Pada suatu ketika dahulu Amerika Syarikat dikatakan mempunyai falsafah pendidikan yang terbaik di dunia tetapi kini sistem dan falsafah pendidikan Amerika dianggap sudah lapuk. Sistem pendidikan telah menutup pemikiran rakyat Amerika daripada perkembangan dunia luar. Bangsa Amerika sedar dan tahu dengan kemunculan Jepun sebagai kuasa ekonomi dunia selepas pelbagai syarikat Jepun bertapak di benua Amerika. Amerika terperangkap dalam keadaan tidak bersedia, kerana selama ini rakyatnya menyangka Amerikalah sumber segala

teknologi dunia ini adalah kesan nyata falsafah pendidikan tertutup yang diamalkan oleh Amerika Syarikat.

Kesan daripada kekalahan Perang Dunia, falsafah pendidikan Jepun mengutamakan pembentukan bangsa yang kuat semangat kebanggaan-nya, dedikasi dan berilmu pengetahuan. Adalah wajar Akta Pendidikan baru dapat disesuaikan dengan perkembangan pendidikan kerana pendidikan yang berunsurkan rohaniah, satu aspek yang dinafikan dalam fahaman sekular patut diketengahkan kerana hakikatnya dengan melalui aspek kerohanian, barulah pendidikan dapat melahirkan manusia yang baik dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berbangga dengan kadar kenal huruf yang tinggi dengan pendemokrasian sistem pendidikan dengan 90.9% kanak-kanak memasuki sekolah rendah, tetapi ini bukanlah matlamatnya. Matlamat mana-mana sistem pendidikan adalah mendidik pelajar yang boleh diumpamakan sebagai bahan-bahan mentah untuk menjadi benda yang berguna bagi negara dan bangsanya. Adakah sistem pendidikan kita berjaya melahirkan generasi yang boleh berdikari?

Saya timbulkan soalan ini memandangkan bahawa kita ada lebih 30,000 siswazah yang menganggur. Kerajaan telah menambahkan peruntukan untuk pengajaran kelas bahasa Tamil dan Mandarin di sekolah. Saya yakin Kerajaan mempunyai satu niat yang baik untuk mempertahankan pendidikan Tamil dan Cina. Saya merayu kepada Yang Berhormat Encik Tamrin Ghafar supaya jangan menjejaskan suasana baik yang diwujudkan oleh Kerajaan kita.

Perlembagaan Persekutuan telah mempunyai pendirian yang jelas mengenai kedudukan Bahasa Malaysia dan penggunaan lain-lain bahasa. Beliau tidak patut mengeluarkan kenyataan yang menjejaskan semangat Barisan Nasional. Golongan muda seperti Yang Berhormat Mohamed Tamrin Ghafar tidak sepatutnya melupakan kemerdekaan 'understanding' semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat 'sosial contract' tahun 1957 dan 1970 hendaklah terus dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian murid-murid sekolah Tamil di dalam peperiksaan UPSR tidak memuaskan. Mereka gagal dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pencapaian mereka dalam bahasa Tamil pun teruk sekali. Apa yang menyedihkan ialah sebanyak 75% murid-murid sekolah Tamil adalah mundur dalam mata pelajaran Tamil. Kerajaan telah merancang untuk mengadakan pengajaran istimewa untuk mata pelajaran di mana mereka lemah, adakah dilaksanakan dengan sempurna dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu di sini Kerajaan hendaklah menghantar lebih banyak guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ke sekolah Tamil. Sekolah Tamil hendaklah dijadikan sebagai institusi yang moden, lengkap dengan segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Kementerian hendaklah menubuhkan Jawatankuasa kajian untuk membuat syor-syor dan cadangan-cadangan yang baik yang sesuai untuk mengubah keadaan yang merosot di sekolah-sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat bukan Melayu sudah lama melahirkan aspirasi supaya TV3 mempersembahkan warta berita dalam bahasa Tamil dan Mandarin. Masyarakat bukan Melayu khususnya

masyarakat Cina mula menunjukkan minat yang kuat, eloklah Jika Kementerian Penerangan mengarahkan TV3 untuk memenuhi hasrat masyarakat Tamil dan Cina dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Luar Negeri supaya mengadakan kelas-kelas dalam bahasa Tamil di Kedutaan-kedutaan luar negeri. Saya difahamkan orang-orang asing yang bekerja di Kedutaan-kedutaan di luar negeri amat sedih kerana Kedutaan di luar negeri kita ini tidak ada kelas-kelas untuk mereka belajar Bahasa Malaysia. Saya sungguh-sungguh merayu kepada Kementerian Luar Negeri supaya mengadakan kelas-kelas bahasa Malaysia di mana bukan sahaja orang-orang asing, pelajar-pelajar di luar negeri juga dapat belajar Bahasa Malaysia. Saya tidak mahu mengambil masa yang lama kerana kawan-kawan di sini pun ingin berucap sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu sahaja yang menarik perhatian Dewan **ini**. Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb Oktober, ada satu berita di dalam bahasa Tamil iaitu Tamil Nisan menuduhkan bahawa seorang Timbalan Menteri telah membuat satu tuntutan yang palsu dan hingga hari **ini**, Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan oleh pihak yang **ter**-tentu. Jika ini berterusan dan jika tidak ada nafian oleh pihak yang tertentu, DAP ataupun parti Pembangkang akan mengeluarkan keratan akhbar ini pada masa pilihanraya, Ini akan menjejaskan kedudukan Parti Barisan Nasional. Sekarang kita tidak rasa, mungkin dalam bulan Mac, saya tidak tahu bila pilihanraya akan dipanggil, ini adalah " **p r e r o g a t i v e** " Amat Behormat Perdana Menteri. Mungkin isu ini akan dijadikan isu besar. Oleh sebab **itu**, saya merayu supaya pemimpin-pemimpin apabila ada teguran, apabila ada pertanyaan di dalam akhbar manapun, akhbar Bahasa Malaysia, akhbar bahasa Tamil ataupun

akhbar Cina, supaya mereka berilah jawapan yang tepat untuk mengelakkan sebarang kekacauan, sebarang salah faham oleh parti-parti komponen Barisan Nasional.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada masa yang banyak, Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin membuat ucapan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan buang masa lagi Yang Berhormat.

Tuan C. Krishnan:sebagai satu train di Jepun, walau bagaimanapun saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana dapat mengambil bahagian. Dengan ini saya menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoon: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Latif.

7.55 mlm.

Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Latif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang atau Bekalan Perbalanjaan bagi tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah dapat membentangkan Belanjawan tahun 1990 begitu baik sekali dan tidak membebankan kepada rakyat seluruhnya di dalam negara kita ini. Sungguhpun demikian, pihak Pembangkang telah menyatakan bahawa belanjawan tahun 1990 ini adalah Belanjawan bagi pilihanraya. Ini tidak boleh kita elakkan. Memanglah tabiat parti Pembangkang, apa jua yang dibuat oleh Kerajaan untuk kebaikan rakyat, semuanya dibangkang, tidak ada yang disetujui oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini saya suka menyatakan atau memberitahu bahawa strategi yang dibuat atau yang dijelaskan oleh Kementerian Kewangan ini untuk meningkatkan ekonomi negara dan mengetatkan perbelanjaan sedikit-sebanyak telah menampakkan hasil dan saya mengucapkan syabas kepada Kementerian berkenaan. Dalam pada itu, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan pembangunan yang diberikan kepada Kementerian selalu sangat didapati bahawa Kementerian-kementerian yang berkenaan lambat menghantar waran kepada negeri-negeri dan menyebabkan projek pembangunan selalunya dijalankan dalam musim hujan. Ini jelas kepada kita dan saya sendiri melihat banyak projek-projek pembangunan dilaksanakan dalam musim hujan dan menyebabkan kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak tertentu tidak dapat disempurnakan dengan baik dan tidak berapa lama selepas itu projek ini terpaksa dibaiki dan ini adalah satu perkara yang boleh membazirkan perbelanjaan kita.

Oleh itu, setelah Belanjawan tahun 1990 ini diluluskan, saya berharap kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan menghantar terus waran-waran kepada negeri-negeri yang berkenaan supaya segala projek-projek yang akan dibangunkan di negeri-negeri yang berkenaan dapat dilaksanakan sebelum musim tengkujuh. Selain daripada itu, saya juga berharap kepada Kementerian Kewangan, walaupun Dasar Kerajaan untuk memberi peruntukan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri mengikut bilangan penduduk di sesebuah negeri itu, tetapi pada saya adalah lebih baik kalau sekiranya Kerajaan mengubah dasar mengikut bilangan penduduk ini kepada kebesaran sesebuah negeri dan kemunduran sesebuah negeri itu untuk memberi peruntukan supaya ianya tidaklah negeri-negeri yang maju bertambah maju dan negeri-negeri yang tidak begitu membangun amat lembab pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya telah mendapat rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai profesional kita, kononnya kenaikan pangkat mereka amatlah terlalu lambat berbanding dengan Pegawai-pegawai Tadbir, Kononnya, kenapa mereka ini lambat kenaikan pangkat walaupun mengikut tempoh masanya sepatutnya telah naik dan oleh sebab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini ditadbir oleh Pegawai-pegawai Tadbir, dengan sebab itulah Pegawai-pegawai Tadbir mendapat kenaikan setiba masanya atau setelah tamat tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya iagin mengucapkan selamat Hari Krismas atau "Merry Christmas" kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang beragama Kristian. Moga-moga di hari yang baik dan mulia bagi orang Kristian akan membawa kebaikan kepada negara Malaysia yang berbilang agama ini.

Maka dengan **itu**, saya menangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 26hb Disember, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.

